

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan

## Kertas Strategi

# 18

### **PENGENALAN**

**RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH,  
2011-2015: KEMAJUAN**

### **ISU DAN CABARAN**

Produktiviti Buruh

Pekerja Mahir dan Ketidakpadanan Kemahiran

Keupayaan Eksport

Rangka Kerja Kawal Selia

Akses kepada Pembiayaan

Penggunaan Teknologi dan Penyelidikan dan  
Pembangunan

**RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS,  
2016-2020: HALA TUJU**

Perubahan Strategik

Memupuk Persekitaran yang Kondusif untuk  
Perkhidmatan Berintensif Pengetahuan

Memantapkan Tadbir Urus Secara Komprehensif  
dan Bersepadu

Meningkatkan Pengantarabangsaaan Penyedia  
Perkhidmatan Tempatan

Meningkatkan Pengurusan Insentif Pelaburan

Memberi Tumpuan kepada Perkhidmatan  
Moden

### **STRATEGI SEKTORAL**

**INDUSTRI HALAL**

**PERKHIDMATAN KEWANGAN**

**INDUSTRI PELANCONGAN**

**PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT**

**PERKHIDMATAN PROFESIONAL**

**PENDIDIKAN TINGGI SWASTA**

**PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA**

**INDUSTRI PEMBINAAN**

### **KESIMPULAN**

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>

Tel.: 603-8000 8000

Faks.: 603-8888 3755

---

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**.

## I. PENGENALAN

18.1 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015, sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 53% dan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan purata 6.3%. Pertumbuhan sektor perkhidmatan didorong oleh peningkatan pendapatan isi rumah, pertambahan ketibaan pelancong, serta perkembangan pesat dalam aktiviti telekomunikasi dan pasaran kewangan. Kerajaan telah meliberalisasikan 18 subsektor serta memudahkan urusan perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan pelaburan.

18.2 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, sektor ini akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Strategi digubal untuk meningkatkan daya saing dan daya tahan sektor perkhidmatan, dan menggalakkan peralihan kepada aktiviti perkhidmatan bernilai tinggi dan berintensif pengetahuan. Subsektor perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan kewangan dan komunikasi dijangka menjadi penyumbang utama pertumbuhan yang didorong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah serta pasaran buruh yang stabil. Tumpuan yang lebih besar akan diberikan kepada industri moden dan berintensif pengetahuan termasuk halal, ekopelancongan, dan informasi, komunikasi dan teknologi (ICT). Sektor pembinaan dijangka terus kukuh, hasil daripada permintaan yang berterusan terhadap infrastruktur dan perumahan.

## II. RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

18.3 Dalam tempoh RMKe-10, sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 6.3% setahun, lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan tahunan purata KDNK sebanyak 5.3%, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-1*. Pada tahun 2014, sektor perkhidmatan menyumbang 53.5% kepada KDNK, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-2*. Sektor perkhidmatan kekal sebagai sumber utama pekerjaan dengan menyediakan 8.4 juta pekerjaan, iaitu 60.9% daripada jumlah guna tenaga. Eksport perkhidmatan meningkat pada kadar 5.6% setahun dan menyumbang 18% daripada jumlah eksport. Malaysia menduduki tangga kedua dari segi nisbah perdagangan dalam perkhidmatan kepada KDNK dalam kalangan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan berada dalam kalangan 30 pengeksport perkhidmatan terbesar dunia. Sebanyak 90% daripada jumlah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan PKS dalam sektor perkhidmatan yang menyumbang 20% kepada KDNK.

## Paparan 18-1


## Petunjuk Utama Sektor Perkhidmatan, 2010-2020

Sektor	RM juta (pada harga 2010)			% daripada keseluruhan			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2010	2015 <sup>e</sup>	2020 <sup>f</sup>	2010	2015 <sup>e</sup>	2020 <sup>f</sup>	RMKe-10	RMKe-11
							Pencapaian	Sasaran
Nilai ditambah Sektor Perkhidmatan	420,382	571,835	796,722	100	100	100	6.3	6.9
Elektrik, Gas & Air	22,173	27,094	32,830	5.3	4.7	4.1	4.1	3.9
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan & Restoran	134,635	185,410	246,499	32.0	32.4	30.9	6.6	5.9
Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	68,511	97,363	148,539	16.3	17.0	18.6	7.3	8.8
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	93,939	121,328	168,270	22.3	21.2	21.1	5.3	6.8
Perkhidmatan Kerajaan	64,359	94,152	127,684	15.3	16.5	16.0	7.9	6.3
Perkhidmatan lain	36,766	46,487	72,900	8.7	8.1	9.1	4.8	9.4
Produktiviti Buruh (RM/Pekerja)	59,278	68,111	83,411	...	...	...	2.8	4.1
Eksport Perkhidmatan (RM juta pada harga semasa)	111,466	146,387	195,890	...	...	...	5.6	6
Guna Tenaga ('000)	7,092	8,396	9,552	59.3	60.9	62.5	3.4	2.6
Sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK(%)	...	...	...	51.2	53.8	56.5	...	...

Nota: <sup>e</sup> anggaran  
<sup>f</sup> sasaran

Sumber: Unit Perancang Ekonomi; Perbadanan Produktiviti Malaysia; Jabatan Perangkaan Malaysia


*Paparan 18-2*  
**Sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK**



Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

18.4 Dalam tempoh 2011-2014, pertumbuhan sektor perkhidmatan sebahagian besarnya didorong oleh permintaan domestik yang kukuh. Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang pada kadar tahunan purata 6.7%, menggambarkan perbelanjaan isi rumah yang kukuh, peningkatan ketibaan pelancong dan pendapatan yang semakin meningkat, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-3*. Subsektor komunikasi berkembang pada kadar 8.8% setahun didorong terutamanya oleh permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan komunikasi data. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan pula mengekalkan pertumbuhan pada kadar 5% setahun disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam aktiviti perjalanan penumpang dan pengangkutan darat. Subsektor kewangan dan insurans berkembang pada kadar 4.7% setahun berikutan peningkatan pesat dalam aktiviti kewangan dan kerancangan pasaran modal.


**Paparan 18-3**  
**Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan**



Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

18.5 Produktiviti dalam sektor perkhidmatan berkembang pada kadar purata 2.8% setahun. Subsektor ICT mencatat pertumbuhan produktiviti paling tinggi dengan peningkatan sebanyak 14.3% diikuti oleh perkhidmatan lain sebanyak 8.2%. Manakala kewangan dan insurans serta pengangkutan dan penyimpanan berkembang pada kadar 4.5% dan 3.4% setahun masing-masing. Produktiviti subsektor utiliti, teknologi maklumat dan komunikasi, dan kewangan dan insurans kekal melebihi produktiviti dalam sektor perkhidmatan sebanyak RM61,721 antara tahun 2011 hingga 2014, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-4*.

**Paparan 18-4**  
**Produktiviti dalam Sektor Perkhidmatan**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

18.6 Kerajaan meliberalisasikan sektor perkhidmatan secara autonomi dalam usaha untuk menarik pelaburan asing dan meningkatkan daya saing. Pada tahun 2012, sebanyak 18 subsektor perkhidmatan diliberalisasikan bagi membenarkan pemilikan ekuiti asing sehingga 100% dalam subsektor seperti perdagangan borong dan runcit, penjagaan kesihatan, perkhidmatan profesional, perkhidmatan alam sekitar, telekomunikasi, kurier dan pendidikan. Di samping itu, Kerajaan juga menguatkuasakan Akta Persaingan pada tahun 2012 serta menjalankan beberapa siri pemantapan pengawalseliaan dan penambahbaikan proses perniagaan bagi melengkapkan inisiatif liberalisasi. Inisiatif ini merupakan pencapaian penting dalam mewujudkan suasana mesra perniagaan dan terbukti melalui kedudukan Malaysia dalam Laporan *Doing Business 2015* oleh World Bank yang bertambah baik daripada kedudukan ke-23 pada tahun 2010 kepada kedudukan ke-18 pada tahun 2015.

### III. ISU DAN CABARAN

18.7 Kekurangan pekerja mahir dan ketidakpadanan kemahiran, keupayaan eksport yang rendah, peraturan yang kompleks, institusi yang lemah, kekurangan akses pembiayaan dan penggunaan teknologi yang rendah merupakan isu utama dalam sektor perkhidmatan. Isu ini perlu ditangani untuk membolehkan sektor perkhidmatan meningkat dalam rantaian nilai.

#### Produktiviti Buruh

18.8 Tahap produktiviti buruh dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam kalangan PKS masih rendah berbanding PKS dalam sektor pembuatan dan pertanian. Komposisi sektor perkhidmatan yang tertumpu kepada subsektor yang bergantung kepada buruh berkemahiran rendah menyumbang kepada tahap produktiviti yang rendah. Antara faktor yang memberi kesan kepada produktiviti dalam sektor perkhidmatan termasuk penggunaan teknologi yang rendah, kebergantungan kepada pekerja asing serta rangka kerja kawal selia yang kompleks dan institusi yang lemah.

#### Pekerja Mahir dan Ketidakpadanan Kemahiran

18.9 Peralihan kepada aktiviti perkhidmatan berintensif pengetahuan memerlukan lebih ramai pekerja berkemahiran bagi membolehkan pemodenan dan peningkatan penggunaan teknologi baharu. Kekurangan pekerja mahir dan ketidakpadanan kemahiran merupakan penghalang bagi sektor ini beralih kepada sektor yang berintensif pengetahuan. Ketidakpadanan kemahiran ditunjukkan oleh kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi pada tahun 2013 adalah pada kadar 25%. Di

samping itu, isu mengenai kos dan ketidakupayaan mengekalkan kakitangan kekal menjadi cabaran kepada firma kecil untuk menyediakan latihan kepada pekerja. Isu ini diburukkan lagi dengan penghijrahan keluar bakat tempatan.

## Keupayaan Eksport

18.10 Eksport perkhidmatan terus tertumpu pada subsektor perjalanan dan pelancongan manakala eksport perkhidmatan moden seperti ICT, perkhidmatan profesional, kesihatan dan perkhidmatan perniagaan masih kecil. Bilangan firma yang mengeksport perkhidmatan adalah agak kecil dengan hanya 1,313 firma merentasi semua sektor ekonomi. Berdasarkan Banci Ekonomi 2011, hanya 66 syarikat daripada 560,456 syarikat dalam sektor perkhidmatan telah mengeksport perkhidmatan pada tahun 2010. Antara faktor-faktor yang mengekang eksport perkhidmatan termasuklah pemahaman yang rendah mengenai pasaran eksport terutamanya dalam kalangan PKS, kurang kerjasama antara PKS dan firma berkaitan kerajaan (GLC) dalam usaha niaga di luar negara, dan akses yang terhad kepada pembiayaan eksport. Struktur industri yang tidak bersepadu seperti dalam industri pembinaan dan perkhidmatan profesional, menyekat peluang syarikat untuk mendapat projek luar negara yang memerlukan penyelesaian menyeluruh.

## Rangka Kerja Kawal Selia

18.11 Walaupun Malaysia telah melaksanakan usaha yang signifikan untuk memodenkan peraturan perniagaan, namun Malaysia masih ketinggalan berbanding negara maju dari segi kualiti dan persekitaran kawal selia. Rangka kerja kawal selia bagi sektor perkhidmatan yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi menyukarkan pengenaltastian dan penyelarasan peraturan dalam sektor ini. Di samping itu, peserta industri sering mendapati peraturan dan amalan kerja sedia ada telah lapuk atau terlalu rumit. Selain itu, terdapat kekurangan dalam rundingan semasa merangka peraturan baru dan pindaan kepada peraturan sedia ada yang boleh menyebabkan peraturan yang tidak efektif dan peningkatan kos menjalankan perniagaan.

18.12 Terdapat keperluan bagi memastikan kesepaduan antara dasar merentasi sektor dengan matlamat pembangunan negara memandangkan pembangunan sektor perkhidmatan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi. Ketiadaan penyelarasan pusat bagi program insentif menyebabkan kurang kebolehlihatan antara agensi, pertindihan skim dan kesedaran yang rendah berkenaan jumlah insentif yang ditawarkan dalam kalangan firma. Kurangnya kerjasama erat antara agensi membuka peluang kepada *rent seekers* untuk memohon insentif yang hampir sama dari pelbagai agensi. Di samping itu, penggunaan petunjuk prestasi utama yang berasaskan jumlah pelaburan seringkali



menyebabkan penumpuan ke arah industri berintensif modal berbanding dengan industri yang berintensif pengetahuan.

## Akses kepada Pembiayaan

18.13 Secara umumnya, syarikat di Malaysia mempunyai akses pembiayaan yang baik. Walau bagaimanapun, akses kepada pembiayaan ini masih menjadi masalah kepada syarikat berasaskan pengetahuan dan inovasi, yang lazimnya kurang asset dan tidak mempunyai cagaran yang diperlukan. PKS terutamanya perusahaan mikro juga menghadapi cabaran dalam mendapatkan pembiayaan disebabkan oleh penyelenggaraan rekod kewangan yang lemah.

## Penggunaan Teknologi dan Penyelidikan dan Pembangunan

18.14 Teknologi baharu, peningkatan persaingan dan perubahan dalam gelagat pengguna memerlukan pihak firma untuk sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dalam inovasi produk dan proses, untuk kekal berdaya saing. Walau bagaimanapun, akses kepada teknologi seperti proses pengeluaran, amalan pembinaan moden, amalan pengurusan dan standard antarabangsa merupakan kekangan kepada kebanyakan PKS kerana kekurangan pekerja mahir dan keupayaan kewangan. Banci Ekonomi 2011 menunjukkan hanya 27% PKS menggunakan ICT dalam operasi perniagaan mereka, menunjukkan terdapat potensi yang besar bagi peningkatan automasi dalam kalangan PKS. Dalam sektor pembinaan, walaupun CIDB telah melaksanakan Industrialised Building System Roadmap, 2011-2015, namun kadar penggunaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) pada tahun 2014 hanyalah 24% sahaja berbanding sasaran sebanyak 100% bagi projek Kerajaan yang bernilai lebih daripada RM10 juta. Sementara itu, kebanyakan kajian yang berkaitan halal bertumpu kepada pengesanan asid deoksiribonukleik (DNA). Terdapat keperluan untuk meluaskan bidang kajian halal kepada ramuan alternatif, penukaran proses kimia industri dan penentuan fatwa.

## IV. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

18.15 Dalam tempoh RMKe-11, pembangunan sektor perkhidmatan akan berpandukan kepada Blueprint Sektor Perkhidmatan yang dilancarkan pada tahun 2015 yang bermatlamat meningkatkan potensi dan mentransformasikan sektor ini kepada sektor berintensif pengetahuan dan inovasi. Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 6.8% setahun dan menyumbang 56.5% kepada KDNK pada tahun 2020, dan menyediakan 9.3 juta pekerjaan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-1*. Sasaran yang ditetapkan untuk pembangunan sektor perkhidmatan adalah:

- Meningkatkan nilai ditambah setiap pekerja daripada RM55,574 pada tahun 2013 kepada RM74,101 pada tahun 2020;
- Meningkatkan sumbangan subsektor berintensif pengetahuan kepada KDNK, daripada 36% pada tahun 2014 kepada 40% pada tahun 2020; dan
- Meningkatkan sumbangan nilai ditambah eksport perkhidmatan daripada 12% pada tahun 2010 kepada 19% pada tahun 2020.

## Perubahan Strategik

18.16 Dalam tempoh Rancangan, tiga anjakan strategik akan diambil dalam mentransformasikan sektor perkhidmatan. Anjakan strategik ini memberikan penekanan kepada pertumbuhan berkualiti bagi pembangunan sektor perkhidmatan. Matlamat ini akan dapat dicapai dengan memberikan tumpuan untuk mengubah komposisi sektor, memanfaatkan kesalinghubungan antara sektor, menambah baik daya saing global dan mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi. Anjakan strategik tersebut adalah seperti berikut:

- Memberikan tumpuan kepada perkhidmatan berintensif pengetahuan
- Memantapkan tadbir urus
- Meningkatkan pengantarabangsaan penyedia perkhidmatan

### ***Memberikan Tumpuan kepada Perkhidmatan Berintensif Pengetahuan***

18.17 Anjakan strategik ini akan memberi penekanan terhadap perubahan komposisi sektor perkhidmatan dengan memberi fokus kepada subsektor berintensif pengetahuan dan mempunyai nilai ditambah tinggi. Pengukuhan pembangunan modal insan adalah prasyarat penting bagi meningkatkan pertumbuhan dalam perkhidmatan berintensif pengetahuan. Anjakan ini akan membolehkan sektor perkhidmatan memaksimumkan sumbangan kepada pertumbuhan produktiviti dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan bergaji tinggi.

### ***Memantapkan Tadbir Urus***

18.18 Anjakan kedua pula melibatkan transformasi secara berperingkat kepada pemantapan tadbir urus sektor yang bersepadu. Pendekatan pembangunan yang lebih komprehensif, tersusun dan strategik terhadap pemantapan tadbir urus akan mengurangkan kos kawal selia, meningkatkan daya saing perniagaan dan menarik lebih banyak pelaburan.


### ***Meningkatkan Pengantarabangsaan Penyedia Perkhidmatan***

18.19 Anjakan strategik seterusnya merupakan faktor terpenting untuk penyedia perkhidmatan meningkatkan keupayaan bersaing pada peringkat global serta

memperluaskan peluang eksport. Pendekatan proaktif perlu diambil untuk menambah baik keupayaan eksport penyedia perkhidmatan tempatan, meneroka pasaran baharu serantau dan melaksana strategi baharu bagi mempromosi eksport.

18.20 Tiga anjakan strategik ini akan disokong oleh lima bidang fokus dasar yang merangkumi 12 strategi seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-5*. Lima bidang fokus dasar adalah:

- Memupuk persekitaran yang kondusif untuk perkhidmatan berintensif pengetahuan
- Melaksanakan pemantapan tadbir urus yang komprehensif dan bersepadu
- Meningkatkan pengantarabangsaan bagi penyedia perkhidmatan
- Meningkatkan pengurusan insentif pelaburan
- Memberi tumpuan kepada perkhidmatan moden



## Memupuk Persekitaran yang Kondusif untuk Perkhidmatan Berintensif Pengetahuan

18.21 Inisiatif bagi menghasil, menarik dan mengekalkan bakat mahir untuk bekerja dalam subsektor perkhidmatan berpendapatan tinggi akan dipertingkatkan. Kejayaan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan dan *Talent Roadmap* adalah kritikal bagi menangani cabaran struktur utama dalam pembangunan modal insan. Usaha untuk meningkatkan pembangunan modal insan termasuk:

- **Meningkatkan kemahiran siswazah baharu** selaras dengan keperluan industri dengan mengukuhkan kerjasama antara industri dengan institusi pendidikan tinggi, memartabat dan meningkatkan laluan pendidikan bagi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), meningkatkan impak program *bridging* dan latihan *soft skills*;
- **Menghapuskan ketidakpadanan pasaran** dengan melaksanakan perancangan tenaga kerja nasional yang bersepadu. Perancangan ini merangkumi pendekatan yang lebih analitik bagi mengenal pasti ketidakpadanan kemahiran dan memperkenalkan strategi tertentu untuk mengatasi kekurangan kemahiran;
- **Melaksanakan pendekatan alternatif bagi menambah jumlah pekerja berkemahiran tinggi** dengan meningkatkan latihan kepada pekerja tempatan dan memudahkan proses dan peraturan bagi pekerja asing berkemahiran tinggi bekerja di Malaysia;
- **Menggalakkan PKS menyediakan latihan kepada pekerja** dengan meningkatkan kempen kesedaran dan melaksanakan program pensijilan iaitu pengiktirafan kepada PKS berkenaan;
- **Skim Insentif Penyelidikan untuk Syarikat (RISE) akan diperluas** bagi meningkatkan penyerapan teknologi dan membolehkan syarikat menggaji penyelidik R&D yang berpengalaman dengan membiayai sebahagian daripada gaji bulanan penyelidik tersebut yang bertugas di pusat kecemerlangan (CoE). Insentif ini dijangka akan menarik peneraju utama teknologi untuk membuka pusat R&D atau CoE dalam bidang teknologi yang dikenal pasti seperti analitis data raya, pengkomputeran awan dan *wireless intelligence*. Gabungan kepakaran dan kemahiran di pusat R&D atau CoE akan menyumbang kepada peningkatan inovasi, penggunaan amalan terbaik dan penyebaran pengetahuan dengan lebih baik; dan
- **Memperkenalkan program biasiswa yang dibiayai bersama oleh Kerajaan dan PKS terpilih** untuk membantu PKS mendapatkan bakat yang berkualiti tinggi. Program ini akan menjadi program pelengkap kepada program *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR) yang membolehkan penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bekerja dalam sektor swasta semasa dalam tempoh ikatan perjanjian. JPA dan SME Corp akan menjalankan kajian menyeluruh untuk memastikan kesesuaian pelaksanaan program pembiayaan bersama ini.

## Memantapkan Tadbir Urus Secara Komprehensif dan Bersepadu

18.22 Kerajaan akan melaksanakan usaha untuk menyediakan mekanisme tadbir urus dan persekitaran dasar yang cekap bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif. Prosedur rumit dan tidak sesuai yang menjejaskan perniagaan akan dikurangkan dan dihapuskan. Usaha ke arah pemantapan tadbir urus yang komprehensif dan bersepadu termasuk:

- **Menyelaraskan fungsi kementerian dan agensi berkaitan bagi mengurangkan pertindihan tanggungjawab.** Jawatankuasa Khas Sektor Perkhidmatan akan menyelia dan memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan pembangunan sektor perkhidmatan, khususnya Blueprint Sektor Perkhidmatan, Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (LTFMP) dan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). Jawatankuasa ini juga akan memastikan dasar merentasi sektor selaras dengan matlamat pembangunan negara. Pasukan Petugas Logistik akan ditubuhkan untuk menerajui pelaksanaan LTFMP;
- **Memperluas dan mempercepat pelaksanaan Dasar Kebangsaan Mengenai Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) ke negeri-negeri dan pihak berkuasa tempatan.** NPDIR yang diperkenalkan pada tahun 2013 menjadi panduan kepada pembangunan peraturan yang baik dengan menetapkan prinsip teras untuk memastikan struktur dan proses kawal selia yang kukuh, telus, bertanggungjawab dan berpandangan ke hadapan. Keupayaan pegawai penyelaras peraturan di kementerian dan agensi akan diperkukuh bagi memastikan pematuhan kepada NPDIR. Pemantapan kawal selia juga akan diselaraskan dengan komitmen Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas sedia ada dan inisiatif liberalisasi unilateral;
- **Mempercepat pemantapan pengawalseliaan sektor** melalui penglibatan aktif industri dan agensi kawal selia. Mewujudkan rangka kerja bagi menentukan sektor yang perlu diberi keutamaan dan masa pelaksanaannya; dan
- **Membangunkan portal kawal selia** untuk meningkatkan akses dan ketelusan kepada peraturan.

## Meningkatkan Pengantarabangsaan Penyedia Perkhidmatan Tempatan

18.23 Pengantarabangsaan penyedia perkhidmatan merupakan faktor penting dalam membangunkan sektor perkhidmatan kerana ia akan meningkatkan daya saing, mendapatkan pasaran baharu dan menggalakkan pelaburan. Kerajaan akan membina keupayaan dan meningkatkan kesediaan syarikat tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa. Empat strategi untuk menangani cabaran utama adalah:

- **Mewujudkan kerjasama erat antara PKS dengan firma besar** bagi meningkatkan daya saing penyedia perkhidmatan;
- **Meningkatkan keupayaan pengantarabangsaan** penyedia perkhidmatan dengan menggalakkan penggunaan teknologi dan menyediakan program latihan pengeksport yang berstruktur. Di samping itu, sistem pengurusan akaun, iaitu sistem bimbingan dan bantuan berstruktur kepada syarikat akan dibangunkan untuk menghasilkan lebih banyak juara pada peringkat antarabangsa dan serantau. Menyedari potensi pengembangan eksport dalam perniagaan francais, program pembangunan francais akan dipertingkat untuk membina keupayaan francaisor tempatan menembusi pasaran baharu;

- **Memperluas dan mengharmonikan pasaran** melalui rundingan antara kerajaan dengan kerajaan. Keupayaan perundingan dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA) dan Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA) akan diperkukuh dan pelaksanaan hasil perjanjian tersebut akan dipertingkatkan. Usaha ini akan disokong dengan pelaksanaan rundingan yang komprehensif dan sistematik bersama pihak berkepentingan, statistik dan maklumat yang lengkap, meningkatkan bilangan perunding berpengalaman dan penyebaran maklumat mengenai inisiatif FTA secara meluas; dan
- **Menangani jurang pembiayaan yang kritikal** dengan menyediakan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan berjumlah RM5 bilion. Skim ini akan memastikan firma berkaitan sektor perkhidmatan mendapat akses pembiayaan yang lebih baik dan dapat berkembang pada peringkat domestik dan menembusi pasaran antarabangsa. Di samping itu, Dana Eksport Perkhidmatan (SEF) berjumlah RM300 juta akan membantu firma untuk mengambil bahagian dalam pameran perdagangan, dan melaksanakan promosi eksport, kajian pemasaran dan pengiklanan serta aktiviti lain berkaitan eksport.

## Meningkatkan Pengurusan Insentif Pelaburan

18.24 Keberkesanan, ketelusan dan keberhasilan program insentif sedia ada dan akan datang akan ditambah baik dan dilaksanakan berdasar kepada prestasi bagi merangsang pertumbuhan berkualiti dalam sektor perkhidmatan. Pejabat Koordinasi dan Kerjasama Insentif (ICCO) akan ditubuhkan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang akan bertindak sebagai penyelaras insentif pelaburan. ICCO akan menjadi pusat setempat bagi syarikat mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat berkaitan insentif yang ditawarkan serta mengelak pertindihan pemberian insentif. ICCO juga akan memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan mengenai rangka kerja insentif serta membantu dalam proses pemantauan dan penilaian.

## Memberi Tumpuan kepada Perkhidmatan Moden

18.25 RMKe-11 akan memberi tumpuan kepada pembangunan subsektor dan industri yang berintensif pengetahuan, berpotensi untuk menjana pekerjaan bergaji tinggi dan mempunyai rantai yang kukuh dengan ekonomi yang lain. Industri seperti kewangan Islam, ICT, perkhidmatan minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, ekopelancongan, industri halal dan perkhidmatan profesional akan diberi lebih tumpuan. Strategi pembangunan bagi industri ini, kecuali ICT dan perkhidmatan minyak dan gas dibincangkan di bahagian strategi sektoral kertas ini. Strategi terperinci pembangunan ICT dan perkhidmatan minyak dan gas terkandung dalam *Kertas Strategi 15: Memacu Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Ekonomi Berasaskan Pengetahuan* dan *Kertas Strategi 17: Penggunaan Tenaga yang Mampan bagi Menyokong Pertumbuhan*.

## V. STRATEGI SEKTORAL

18.26 Sektor perkhidmatan terdiri daripada pelbagai subsektor yang sebahagiannya boleh diperdagangkan serta berintensif pengetahuan dan modal berbanding subsektor yang lain. Blueprint Sektor Perkhidmatan menggariskan strategi mendatar untuk pembangunan sektor perkhidmatan yang lebih terancang dan bersepadu. Walaupun strategi mendatar ini akan diterapkan merentasi semua subsektor perkhidmatan, namun masih terdapat keperluan untuk menggubal strategi khusus bagi subsektor terpilih untuk menangani isu-isu berkaitan subsektor tersebut. Sehubungan itu, bahagian seterusnya meliputi kemajuan RMKe-10 serta strategi RMKe-11 bagi subsektor berikut:

<b>INDUSTRI HALAL</b>	<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>
<b>INDUSTRI PELANCONGAN</b>	<b>PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT</b>
<b>PENDIDIKAN TINGGI SWASTA</b>	<b>PERKHIDMATAN PROFESIONAL</b>
<b>PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA</b>	<b>INDUSTRI PEMBINAAN</b>

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

Industri Halal

## **KEMAJUAN**

### **HALA TUJU**

Menambah Baik Tadbir Urus Sektoral

Memperkukuh Integriti Halal Malaysia

Mempertingkatkan Eksport

Menghubungkan Malaysia dengan Rangkaian  
Bekalan Halal Serantau

Meningkatkan Bilangan Pakar berkaitan Industri  
Halal

Kertas Strategi

# 18A




## KEMAJUAN

18.27 Malaysia menerajui pembangunan standard halal<sup>1</sup> selaras dengan visi untuk menjadi hab halal global menjelang tahun 2020. Standard halal pertama di dunia ialah MS2200: Barangan Pengguna Islam Bahagian Satu: Kosmetik dan Penjagaan Peribadi – Garis Panduan Umum telah dibangunkan pada tahun 2008. Malaysia merupakan perintis dalam pembangunan standard halal dengan 13 standard halal dan berkaitan halal meliputi pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan serta garis panduan umum berhubung farmaseutikal halal. Sehingga Mei 2015, logo Halal Malaysia telah diiktiraf oleh 57 badan pensijilan antarabangsa.

18.28 Sejak penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011, yang melarang penggunaan logo halal yang tidak diiktiraf serta pengisytiharan sendiri status halal, permintaan terhadap pensijilan halal JAKIM telah meningkat. Sehingga Disember 2013, sebanyak 4,443 syarikat telah mendapat pensijilan halal JAKIM berbanding 3,316 syarikat pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak 34%. Daripada 4,443 syarikat, 75%, merupakan PKS, manakala bakinya adalah syarikat multinasional. Walau bagaimanapun, eksport halal didominasi oleh syarikat multinasional. Majoriti syarikat yang telah mendapat pensijilan halal JAKIM merupakan syarikat bukan Bumiputera yang mewakili 80% daripada keseluruhan industry seperti yang ditunjukkan di *Paparan 18-6*.

*Paparan 18-6*  
**Syarikat yang Mendapat Pensijilan Halal JAKIM, 2010-2013**



Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

18.29 Malaysia mempunyai 21 kawasan perindustrian halal. Sebanyak 13 daripadanya telah diberikan status Halal Malaysia (HalMas). HalMas merupakan akreditasi yang diberikan kepada operator kawasan perindustrian halal yang berjaya mematuhi syarat serta garis panduan yang ditetapkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC). Kawasan

<sup>1</sup> Konsep halal merujuk kepada kaedah pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang mematuhi syariah. Industri halal Malaysia yang sebelum ini hanya tertumpu kepada pengeluaran produk makanan dan minuman, kini telah berkembang kepada subsektor lain seperti kosmetik, logistik, farmaseutikal, kewangan dan pelancongan.

perindustrian halal ini berada pada peringkat pembangunan dan pengoperasian yang berbeza. Sejak HalMas diperkenalkan, kawasan perindustrian halal berjaya menarik pelaburan domestik dan antarabangsa sebanyak RM8.1 bilion, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-7*.

*Paparan 18-7*

**Pelaburan yang Diluluskan & Direalisasikan di Kawasan Perindustrian Halal**

Tahun	Pelaburan yang diluluskan		Pelaburan yang direalisasikan	
	Projek	Pelaburan (RM bil)	Projek	Pelaburan (RM bil)
2010	61	4,230*	15	528
2011	23	1,960	28	2,686
2012	17	1,010	23	2,397
2013	27	860	7	840
<b>Jumlah</b>	<b>128</b>	<b>8,060</b>	<b>73</b>	<b>6,451</b>

Nota: \* jumlah pelaburan terkumpul untuk 3 tahun (2008-2010)

Sumber: Perbadanan Pembangunan Halal

18.30 Sejak tahun 2010, eksport produk Halal Malaysia menunjukkan trend meningkat. Pada tahun 2013, eksport halal bernilai RM32.8 bilion, iaitu 4.6% daripada jumlah eksport Malaysia. Syarikat multinasional menguasai eksport halal dengan sumbangan sebanyak RM25.5 bilion atau 77.6% daripada jumlah eksport halal, diikuti oleh PKS bersaiz sederhana RM6.7 bilion atau 20.5% dan PKS mikro RM0.6 bilion atau 1.9%. Dari segi kategori produk pula, 70% daripada jumlah eksport halal merupakan makanan dan minuman serta ramuan.

18.31 Pada tahun 2013, negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) merupakan destinasi eksport halal terbesar Malaysia. Eksport ke rantau ini bernilai RM22.6 bilion, diikuti negara anggota Komanwel sebanyak RM7.8 bilion. Sepuluh negara pengimport tertinggi bagi produk halal Malaysia adalah negara yang mempunyai penduduk majoriti bukan beragama Islam, menunjukkan produk halal mempunyai potensi untuk menembusi pasaran global.

18.32 Dalam usaha mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat rujukan halal dunia, Malaysia telah memulakan langkah untuk menganggotai *The Standards and Metrology Institute for Islamic Countries* (SMIIC). Secara umumnya, matlamat SMIIC adalah untuk mengharmonikan standard, menghapuskan halangan teknikal dan meningkatkan perdagangan dalam kalangan negara anggota.

18.33 Sungguhpun Halal Malaysia telah diiktiraf secara global, namun masih terdapat cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan Malaysia terus kekal mendahului pesaingnya. Pada masa ini, tiada dasar serta strategi yang komprehensif dalam pembangunan industri halal. Rangka kerja institusi industri halal yang merentasi pelbagai industri dan dikawal selia

oleh pelbagai agensi menyebabkan ketidakcekapan dalam menggalakkan serta membangunkan agenda halal. Badan pensijilan dan pengauditan tidak mempunyai kapasiti untuk memenuhi permintaan pensijilan yang semakin meningkat hingga menyebabkan tempoh kelulusan yang panjang. Kebanyakan pengeluar produk halal tempatan tidak berupaya untuk mengeluarkan produk secara berterusan serta mematuhi keperluan dan piawaian antarabangsa telah menjejaskan eksport. Kebanyakan R&D berkaitan halal hanya tertumpu kepada pengesanan DNA manakala R&D dalam bidang lain seperti ramuan alternatif dan penentuan fatwa kurang diberi perhatian. Selain itu, tiada program yang berstruktur serta pembelajaran berterusan untuk mengiktiraf pekerja industri halal sebagai pakar.

## HALA TUJU

18.34 Dalam tempoh RMKe-11, sasaran adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan global untuk integriti halal dan pusat bagi inovasi, produk dan perdagangan halal. Penerimaan logo dan standard halal Malaysia akan dimanfaatkan untuk membangunkan lebih banyak syarikat yang bersedia untuk mengeksport dan membuka peluang pekerjaan tempatan. Sasaran pertumbuhan bagi industri halal adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-8*.

*Paparan 18-8*  
**Sasaran Pertumbuhan Industri Halal**


Perkara	2013	2020
Sumbangan kepada KDNK (%)	-	8.7
Syarikat Sedia Mengeksport	645	1,600
Sumbangan kepada Eksport (%)	21	50
Guna Tenaga	165,000	330,000

Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Halal

18.35 Kanvas strategi bagi pembangunan industri halal adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-9*.

## Paparan 18-9

## Kanvas Strategi Pembangunan Industri Halal



18.36 Pembangunan industri halal akan mengambil pendekatan strategik seperti berikut:

- Membangunkan lagi industri sebagai sumber kelebihan daya saing dan pemangkin kepada pertumbuhan
- Menggalakkan inovasi dan kreativiti yang berlandaskan prinsip dan nilai Islam
- Melaksanakan strategi secara pragmatik dalam pembangunan industri halal

18.37 Strategi untuk mencapai sasaran pertumbuhan industri halal adalah seperti berikut:

- Menambah baik tadbir urus sektoral
- Memperkukuh integriti Halal Malaysia
- Mempertingkatkan eksport
- Menghubungkan Malaysia dengan rangkaian bekalan halal serantau
- Meningkatkan bilangan pakar berkaitan industri halal

## Menambah Baik Tadbir Urus Sektoral

18.38 Peraturan dan institusi bagi pengurusan dan kawal selia industri halal akan ditambah baik bagi meningkatkan pembangunan industri halal. Struktur tadbir urus industri halal akan ditambah baik dan diselaraskan bagi memastikan penggubalan dasar serta pembangunan industri yang lebih menyeluruh di samping memudahkan urusan perniagaan. Inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk:

- Memperkukuh keupayaan badan pensijilan halal untuk membina sistem pensijilan halal yang lebih efisien. Badan pensijilan halal akan mengamalkan budaya mesra perniagaan dan memudah cara urusan pensijilan halal tanpa menjejaskan integriti halal;
- Mengkaji semula serta mengharmonikan peraturan bagi meningkatkan pembangunan industri halal. Garis panduan untuk pengurusan serta operasi kawasan perindustrian halal akan diperkenalkan, manakala amalan yang mengekang pertumbuhan industri akan dimansuhkan; dan
- Menggalakkan perolehan oleh institusi, memberi keutamaan khas kepada produk dan perkhidmatan halal dan mewajibkan pendekatan ini dalam perolehan kerajaan di masa hadapan.

## Memperkukuhkan Integriti Halal Malaysia

18.39 Penerimaan jenama Halal Malaysia menunjukkan keyakinan terhadap pensijilan dan standard halal Malaysia. Usaha berikut akan dilaksanakan untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri halal dunia:

- Memperkenalkan program pematuhan standard kebangsaan yang memenuhi keperluan standard antarabangsa seperti *Hazard Analysis and Critical Control Points* (HACCP) dan amalan pembuatan yang baik (GMP). Program ini akan meningkatkan tahap integriti pensijilan halal;
- Membangunkan standard halal khusus untuk industri seperti peranti perubatan halal, kaedah analisis dan ramuan halal. Standard ini akan membolehkan pihak berkuasa mempunyai mekanisme kawalan bersesuaian ke atas produk halal berkenaan;
- Mewujudkan dana R&D khusus untuk menggalakkan penyelidikan produk halal dan perkhidmatan patuh syariah bagi menyokong penentuan fatwa berkaitan halal, mengukuhkan pengesanan dan mengenal pasti potensi baharu bagi produk dan proses halal. Tumpuan R&D akan diberikan kepada ramuan alternatif yang halal, farmaseutikal halal dan kimia industri. Malaysia akan memanfaatkan kelebihan dalam industri minyak sawit untuk menghasilkan ramuan berasaskan tumbuhan; dan
- Mempertingkatkan program kesedaran dan pemahaman dalam kalangan pengeluar dan pengguna untuk meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap produk halal.

Prosedur berkaitan pengauditan, pengujian serta pembangunan produk halal akan dilaksanakan dengan telus. Selain itu, maklumat mengenai proses dan pengesahan status halal sesuatu produk akan disampaikan dengan lebih cepat dan berkesan bagi memastikan keyakinan pasaran.

## Mempertingkatkan Eksport

18.40 Strategi untuk meningkatkan eksport produk dan perkhidmatan halal adalah seperti berikut:

- Memanfaatkan MRA untuk mengembangkan pasaran halal serta meningkatkan eksport produk dan perkhidmatan halal;
- Menjana pendapatan melalui perkhidmatan perundingan pensijilan serta penggunaan standard halal Malaysia;
- Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan halal melalui peningkatan program *outreach* halal dan menggalakkan industri mematuhi standard halal. Selain itu, penyertaan lebih aktif melalui platform yang strategik seperti ASEAN dan OIC untuk mengetengahkan agenda halal negara; dan
- Pihak industri tempatan akan diberi bantuan dalam mendapatkan pensijilan halal terutamanya untuk menembusi pasaran antarabangsa. PKS akan digalakkan untuk memperluaskan keupayaan pengeluaran serta mengeksport produk halal terutamanya ke negara anggota ASEAN.

## Menghubungkan Malaysia dengan Rantaian Bekalan Halal Serantau

18.41 Objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal global memerlukan ketersambungan yang lancar serta hubungan dengan pasaran global. Dalam hal ini, langkah berikut akan dilaksanakan:

- Menubuhkan pusat pengedaran halal serantau (HRDC) yang khusus untuk ketersambungan yang lancar bermula daripada aktiviti perolehan bahan mentah hingga penjualan produk halal. Fungsi HRDC termasuk menggabungkan aktiviti penyumberan dan perolehan serta pengedaran produk halal;
- Memperluas platform e-dagang bagi menghubungkan pembekal halal tempatan dan serantau dengan rantaian bekalan global. Platform e-dagang akan menyediakan platform alternatif untuk syarikat pengeluar produk halal berdagang pada peringkat global; dan
- Membangunkan pangkalan data ramuan halal bagi membolehkan pihak berkepentingan mendapatkan maklumat terkini mengenai kriteria ramuan halal yang kritikal, keperluan halal, pembekal yang diiktiraf serta inovasi baharu produk halal di pasaran global.

## Meningkatkan Bilangan Pakar Industri Halal

18.42 Program latihan akan dibangunkan bagi meningkatkan bilangan serta tahap kemahiran pakar halal dalam pasaran dan meningkatkan keupayaan pakar halal sedia ada. Program latihan ini akan meliputi modul latihan, kod dan etika amalan halal serta jenis denda yang akan dikenakan sekiranya kod ini tidak dipatuhi. Kumpulan pakar ini berpotensi untuk mendapat kadar upah yang lebih tinggi. Kerjasama dengan institusi pengajian tinggi terpilih akan diterokai untuk menawarkan kursus berkaitan bagi menghasilkan pakar ramuan terutamanya dalam bidang aroma kimia, pembangunan wangian serta perisa.

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

## Perkhidmatan Kewangan

### Kertas Strategi

# 18B

#### **KEMAJUAN**

Sektor Kewangan

Pasaran Modal

#### **HALA TUJU**

*Sektor Kewangan*

Pengantaraan yang Berkesan dan Cepak

Mengukuhkan Integrasi Kewangan Serantau dan Antarabangsa

Pengantarabangsaan Kewangan Islam

Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Dinamik

Perkongsian Kemakmuran yang Lebih Meluas Melalui Rangkuman Kewangan

Rejim Pengawalan dan Penyeliaan bagi Memelihara Kestabilan Sistem Kewangan

Pembayaran secara Elektronik untuk Meningkatkan Kecekapan Ekonomi

Memperkasa Pengguna

Meningkatkan Pembangunan Tenaga Mahir

*Pasaran Modal*

Menggalakkan Pembentukan Modal

Meningkatkan Kecekapan dan Meluaskan Skop Pengantaraan

Meningkatkan Kecairan dan Pengantaraan Risiko

Memudahcara Pengantarabangsaan

Membina Keupayaan dan Mengukuhkan Infrastruktur Maklumat

Meningkatkan Peraturan bagi Produk untuk Mengurus Risiko

Meluaskan Akauntabiliti Selaras dengan Pengembangan Skop Pengantaraan

Mengukuhkan Rangka Kerja Pengawal Selia untuk Lanskap Pasaran yang Dinamik

Meningkatkan Keberkesanan Pengawasan Risiko

Mengukuhkan Tadbir Urus Korporat dan

Memperluas Penyertaan Pihak Berkepentingan



## KEMAJUAN

18.43 Sektor kewangan dan pasaran modal telah melalui transformasi yang ketara untuk menyediakan asas yang kukuh bagi meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan industri perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2011, Pelan Induk Sektor Kewangan (FSBP) dan Pelan Pasaran Modal 2 (CMP2) yang meliputi tempoh 2011-2020 telah dilancarkan untuk menentukan hala tuju pertumbuhan dan pembangunan industri perkhidmatan kewangan masa hadapan. Pelaksanaan kedua-dua pelan ini akan meningkatkan daya saing industri dan memastikan pengagihan sumber kewangan dengan lebih berkesan.

### Sektor Kewangan

18.44 Transformasi sektor kewangan menghasilkan sistem kewangan yang lebih pelbagai, berdaya saing dan berdaya tahan. Kemantapan sistem kewangan ini dicerminkan oleh keupayaan menghadapi kesan ketidakstabilan akibat turun naik dan tekanan dalam pasaran kewangan. Selain itu, transformasi sektor kewangan telah mengukuhkan lagi pembangunan infrastruktur pasaran kewangan terutamanya pasaran sekuriti hutang domestik dan sistem pembayaran dan penyelesaian. Pembangunan pasaran sekuriti hutang juga menyumbang kepada kestabilan kewangan dengan menyebarkan tumpuan risiko dalam sistem kewangan.

18.45 Inisiatif pembangunan institusi dan peningkatan keupayaan telah menjadikan institusi kewangan domestik lebih berdaya saing yang ditunjukkan oleh peningkatan keupayaan modal, kualiti aset dan keuntungan. Dalam tempoh 2011 hingga 2014, jumlah aset sistem perbankan berkembang pada kadar purata 8.5% setahun, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-10*. Momentum pertumbuhan sektor insurans juga kekal kukuh dengan pendapatan premium yang lebih tinggi.

## Paparan 18-10

## Jumlah Modal, Aset dan Keuntungan Institusi Kewangan Malaysia

Perkara	Pada Akhir Tahun				Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (CAGR)
	2011	2012	2013	2014	
<b>Sistem Perbankan</b>					
Jumlah Aset (RM trilion)	1.8	1.9	2.1	2.3	8.5
Nisbah Modal Wajaran Risiko	15.7	15.7	14.9 <sup>1</sup>	15.2	-
Pulangan atas Aset	1.6	1.6	1.5	1.5	-
Pulangan atas Ekuiti	17.4	17.4	15.9	15.2	-
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.8	1.4	1.3	1.2	-
<b>Penanggung Insurans</b>					
Nisbah kecukupan Modal	222.5	219.1	246.1	253	-
Premium/Caruman Baharu Perniagaan (RM Bilion)	10.9	12.0	12.1	12.8	5.5
Premium/Caruman Langsung Kasar (RM Bilion)	15.4	16.6	17.8	19.0	7.3
<b>Kadar Penembusan Pasaran (%)</b>					
Insurans	39.5	40.9	41.0	41.0	-
Takaful	12.6	13.0	13.9	14.5	-
<b>Institusi Kewangan Pembangunan</b>					
Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar	7.3	6.3	5.6	4.7	-
Pulangan atas Aset	2.7	2.5	2.2	1.6	-

Nota: <sup>1</sup> Mulai Januari 2013, komponen modal dilaporkan sebagai Jumlah Nisbah Modal berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel III

Sumber: Bank Negara Malaysia

18.46 Peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kewangan Islam yang berterusan telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor perbankan Islam yang kukuh. Pemilikan aset sektor perbankan Islam termasuk institusi kewangan pembangunan telah meningkat, iaitu 22.4% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2011 kepada 25.6% pada akhir tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, industri takaful juga mencatat pertumbuhan yang kukuh. Jumlah aset dana takaful meningkat pada kadar purata 11.2% setahun, iaitu daripada RM17 bilion kepada RM22.7 bilion. Manakala peratusan caruman bersih pengendali takaful daripada jumlah premium dan caruman bersih sektor insurans dan takaful meningkat daripada 13% pada tahun 2011 kepada 13.3%. Inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) telah membantu pengantarabangsaan kewangan Islam. Inisiatif ini telah mewujudkan pasaran Islam yang bersepadu dan diiktiraf sebagai destinasi global untuk mendapat kepakaran, inovasi dan aliran urus niaga.

18.47 Malaysia telah mencapai kemajuan yang lebih besar dalam rangkuman kewangan. Pada akhir tahun 2014, rangkaian perkhidmatan kewangan bertambah baik dengan 99% penduduk dewasa mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan. Pembangunan rangka kerja Pembiayaan Mikro telah membolehkan perusahaan mikro mendapat akses kepada kredit. Jumlah pembiayaan terkumpul di bawah Skim Pembiayaan Mikro adalah sebanyak RM863.2 juta pada akhir tahun 2014. Selain itu, usaha berterusan bagi membantu golongan yang kurang mendapat perkhidmatan melalui penyebaran maklumat, pendidikan dan bantuan kewangan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia (BNMLINK) terus memberi impak yang positif. Sejak ditubuhkan pada tahun 2006, AKPK telah menyediakan pendidikan kewangan kepada orang ramai dan memberi manfaat kepada lebih 260,000 orang di seluruh negara.


18.48 Pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan memberi lebih tumpuan pada risiko dan pencegahan awal selaras dengan ciri, saiz dan tahap kompleksiti institusi yang berbeza. Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 mengukuhkan kuasa pengawasan Bank Negara Malaysia dalam mengekalkan kestabilan kewangan, menyokong pertumbuhan yang inklusif dan memastikan pengguna mendapat perlindungan yang sewajarnya. Program Penilaian Sektor Kewangan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia pada tahun 2012 membuat kesimpulan bahawa sistem perbankan Malaysia mempunyai permodalan yang mencukupi. Penilaian tersebut juga mengesahkan bahawa rejim pengawalan dan penyeliaan berada pada tahap pematuhan standard antarabangsa yang tinggi.

## Pasaran Modal

18.49 Pasaran modal telah melalui perkembangan yang ketara, mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam semua segmen pasaran dan menyediakan kepelbagaian sumber pembiayaan. Pembiayaan berasaskan pasaran modal semakin meningkat dan meluas menunjukkan peningkatan peranan pasaran modal dalam membiayai ekonomi dan membantu pembentukan modal dalam kalangan syarikat Malaysia. Sejak sedekad yang lalu, pasaran modal telah berkembang secara meluas dalam menyediakan peluang pembiayaan dan pelaburan yang lebih besar kepada penerbit instrumen pelaburan dan pelabur. Pertumbuhan ini disokong oleh rangka kerja kawal selia yang kukuh yang memberi fokus kepada perlindungan pelabur dan integriti pasaran.

18.50 Saiz keseluruhan pasaran modal meningkat daripada RM2 trilion pada akhir tahun 2010 kepada RM2.8 trilion pada akhir tahun 2014, iaitu 2.6 kali lebih besar daripada KDNK negara seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-11*. Pasaran modal yang berkembang secara meluas ini dicapai melalui penjanaan modal dan pertumbuhan kukuh dalam penggunaan tabungan, disokong oleh pemantauan kawal selia yang berkesan seterusnya

meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dalam pasaran modal. Pada tahun 2014, dana yang dikumpul daripada sektor swasta menerusi pasaran modal adalah sebanyak RM92 bilion, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-12*.



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

*Paparan 18-12*  
**Pasaran Modal Malaysia - Pengumpulan Dana**

Perkara	Pada Akhir Tahun (RM Bil)				Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (CAGR)
	2011	2012	2013	2014	
<b>Dana Dikumpul Melalui Pasaran Modal</b>					
Bon Korporat	70.6	123.8	86.2	86.0	6.8
Tawaran Awam Awal (IPO)	6.0	22.1	8.2	5.9	-0.6
<b>Jumlah</b>	<b>76.6</b>	<b>145.9</b>	<b>94.4</b>	<b>91.9</b>	<b>6.3</b>
<b>Saiz Pasaran</b>					
Permodalan Pasaran Ekuiti	1,284.5	1,465.7	1,702.1	1,651.2	8.7
Sekuriti Hutang Belum tebus	841.1	1,007.8	1,031.0	1,109.7	9.7
<b>Keseluruhan Pasaran Modal</b>	<b>2,125.6</b>	<b>2,473.5</b>	<b>2,733.1</b>	<b>2,760.9</b>	<b>9.1</b>
Pasaran Modal Islam	1,155.7	1,416.8	1,541.7	1,588.4	11.2
Pengurusan Dana (Jumlah Aset di bawah Pengurusan)	423.6	505.1	588.4	630.0	14.2
Industri Unit Amanah (Nilai Aset Bersih)	249.5	294.9	335.5	343.0	11.2
Kadar Penembusan (%)	19.4	20.1	19.7	20.8	-
Skim Persaraan Swasta (Nilai Aset Bersih)	0	0.06	0.3	0.7	-
Jumlah Ahli	0	11,081	64,710	128,977	-

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

18.51 Dalam tempoh 2011-2014, pasaran modal telah mengalami perubahan yang ketara disebabkan oleh pertumbuhan pesat pasaran bon pada kadar purata 10% setahun iaitu daripada RM758.6 bilion kepada RM1.1 trilion. Berdasarkan peratusan saiz pasaran bon kepada KDNK, Malaysia kekal sebagai pasaran bon ketiga terbesar di Asia selepas Jepun dan Korea Selatan. Pasaran ekuiti juga telah berkembang pesat, mencatat jumlah syarikat awam tersenarai (PLC) terbesar di ASEAN dan terbitan Tawaran Awam Awal (IPO) terbesar pada peringkat global. Permodalan pasaran saham meningkat daripada RM1.3 trilion pada akhir tahun 2010 kepada RM1.7 trilion pada akhir Mac 2015 .

18.52 Dalam tempoh 2011-2014, pasaran modal Islam (ICM) mencatat pertumbuhan pada kadar purata 12% setahun. ICM menyumbang sebanyak 57.5% atau RM1.59 trilion kepada jumlah keseluruhan pasaran modal pada tahun 2014. Malaysia menguasai pasaran sukuk global dengan penerbitan 65.6% daripada sukuk global dan 57.4% daripada jumlah sukuk belum tebus. Malaysia juga mempunyai industri pengurusan dana Islam yang maju dan menerajui industri unit amanah Islam merangkumi 188 dana patuh syariah dengan nilai aset bersih berjumlah RM46.7 bilion.

18.53 Industri pengurusan dana juga telah mencatat pertumbuhan yang kukuh. Jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) meningkat daripada RM377.4 bilion pada tahun 2010 kepada RM630 bilion pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, nilai aset bersih industri unit amanah juga meningkat daripada RM226.8 bilion kepada RM343 bilion.

18.54 Skim persaraan swasta<sup>2</sup> (PRS) yang diperkenalkan pada tahun 2012 untuk memenuhi keperluan persaraan bagi rakyat Malaysia terus mendapat sambutan. PRS ini melengkapkan caruman mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan memberi manfaat kepada pekerja dalam semua sektor ekonomi termasuk yang bekerja sendiri. PRS menawarkan dana persaraan kepada individu untuk melabur berdasarkan keperluan persaraan, matlamat dan tahap tanggungan risiko. Bilangan ahli meningkat daripada 11,081 ahli pada tahun 2012 kepada 128,977 pada tahun 2014. Dalam Bajet 2014, Kerajaan telah mengumumkan insentif bagi menggalakkan belia menyertai PRS dan memupuk budaya menyimpan bagi persaraan dalam kalangan generasi muda.

18.55 Jumlah pelaburan modal teroka pula berkurang daripada RM3.4 bilion kepada RM3.3 bilion berikutan jumlah pelaburan awam yang rendah. Sebahagian besar pelaburan modal teroka adalah dalam sektor pembuatan dan ICT. Kerajaan terus menjadi sumber utama modal teroka.

---

<sup>2</sup> PRS adalah skim pelaburan sukarela jangka panjang untuk membantu individu membuat simpanan bagi persaraan di bawah persekitaran yang terkawal dan berstruktur.

18.56 Rangka kerja perundangan pasaran modal telah mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa. Malaysia telah memperoleh penarafan “pelaksanaan sepenuhnya” dengan memenuhi 34 daripada 37 prinsip yang dinilai di bawah program Penilaian Sendiri Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). Pasaran modal Malaysia dengan ini mencapai tahap pematuhan sebanyak 92%, pencapaian tertinggi dalam kalangan negara yang menjalani penilaian tersebut selepas krisis kewangan global. Berdasarkan laporan *World Bank’s Doing Business 2015*, dalam aspek perlindungan pelabur, Malaysia berada pada kedudukan kelima daripada 189 negara.

18.57 Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat (CG) yang dilancarkan pada tahun 2011 menyediakan pelan tindakan untuk meningkatkan standard tadbir urus korporat di Malaysia. Kod Tadbir Urus Korporat 2012 juga dilancarkan bagi menambahbaik kecekapan lembaga pengarah syarikat yang tersenarai dengan meningkatkan jumlah komposisi dalam lembaga pengarah, mengukuhkan kebebasan dan meningkatkan komitmen lembaga pengarah. Pada tahun 2014, Kod Pelabur Institusi Malaysia telah dilancarkan bagi menyediakan garis panduan dan amalan terbaik secara kolektif oleh pelabur institusi terbesar di Malaysia.

18.58 Industri perkhidmatan kewangan sentiasa berhadapan dengan persekitaran ekonomi dan landskap kewangan yang dinamik. Selaras dengan tranformasi ekonomi, sektor kewangan perlu memenuhi permintaan daripada industri berasaskan pengetahuan dan inovasi dan membantu meningkatkan keusahawanan berasaskan inovasi nilai ditambah tinggi. Pada masa ini, institusi kewangan menghadapi kekurangan kepakaran untuk membuat penilaian risiko dalam bidang pertumbuhan baharu. Beberapa cabaran perlu ditangani bagi meningkatkan kecairan pasaran sekunder seperti permintaan institusi bagi aset berkualiti tinggi melebihi penawaran, meningkatkan kepelbagaian produk dan strategi pelaburan, mengurangkan kos transaksi dan meluaskan mekanisme dan saluran dagangan. Di samping itu, kehadiran peserta industri yang mempunyai kemajuan teknologi serta keupayaan menawarkan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif akan mewujudkan persekitaran yang lebih kompetitif. Selain itu juga, peningkatan penggunaan teknologi memberi cabaran baharu kepada institusi kewangan dalam menangani jenayah siber dan tindakan berniat jahat oleh pihak tidak bertanggungjawab.

## HALA TUJU

### Sektor Kewangan


18.59 Sektor kewangan akan mengagihkan sumber secara efisien bagi pelaksanaan aktiviti yang produktif dalam ekonomi domestik dan juga merentas sempadan. Sistem kewangan<sup>3</sup> dijangka berkembang pada kadar purata 8% hingga 11% setahun, seterusnya meningkatkan kedalaman<sup>4</sup> kewangan kepada KDNK pada tahun 2020 sebanyak enam kali. Sumbangan sektor kewangan kepada KDNK dijangka meningkat kepada 10%–12% menjelang tahun 2020.

18.60 Pembiayaan berlandaskan prinsip Islam dijangka berkembang mencakupi sekurang-kurangnya 40% daripada jumlah pembiayaan domestik pada tahun 2020. Industri kewangan Islam domestik dijangka berkembang luas diperkukuh oleh jangkauan dan inovasi produk yang lebih besar. Sektor kewangan akan memainkan tiga peranan penting iaitu sebagai pemboleh, pemangkin dan pemacu pertumbuhan ekonomi seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-13* meliputi sembilan bidang tumpuan iaitu:

- Pengantaraan yang berkesan dan cekap
- Mengukuhkan integrasi kewangan serantau dan antarabangsa
- Pengantarabangsaan kewangan Islam
- Membangunkan pasaran kewangan yang mendalam dan dinamik
- Perkongsian kemakmuran yang lebih meluas melalui rangkuman kewangan
- Rejim pengawalan dan penyeliaan bagi memelihara kestabilan sistem kewangan
- Pembayaran secara elektronik untuk meningkatkan kecekapan ekonomi
- Memperkasa pengguna
- Meningkatkan pembangunan tenaga mahir

#### *Paparan 18-13*

#### Peranan Utama Sektor Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>3</sup> Saiz sistem kewangan diprosikan kepada jumlah pinjaman terkumpul, permodalan pasaran saham dan bon terkumpul. Bond terkumpul merujuk kepada sekuriti hutang swasta terkumpul dan semua Sekuriti Kerajaan Malaysia yang dipegang pemastautin dan bukan pemastautin. Data tidak termasuk Bon Cagamas, sekuriti jangka pendek, Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) dan terbitan oleh bukan pemastautin.

<sup>4</sup> Kedalaman sistem kewangan adalah berdasarkan jumlah pinjaman terkumpul, permodalan pasaran saham dan bon terkumpul, secara relatif kepada KDNK. Ia mencerminkan tahap aktiviti pembiayaan oleh pengantara dan pasaran kewangan.

### ***Pengantaraan yang Berkesan dan Cekap***

18.61 Keperluan perniagaan dan isi rumah yang kompleks dan berbeza perlu dipenuhi dengan kaedah yang efektif dan mampan. Pertumbuhan ekonomi akan dipacu oleh industri yang berinovatif dan berintensif pengetahuan. Oleh itu, rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan harus berubah mengikut keperluan pembiayaan, pelaburan dan perlindungan perniagaan, dan isi rumah.

### ***Mengukuhkan Integrasi Kewangan Serantau dan Antarabangsa***

18.62 Hubungan rentas sempadan yang kukuh, terutama dengan kewujudan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan mobiliti modal insan akan meningkatkan peluang perdagangan dan pelaburan. Peningkatan penyertaan asing dalam sektor kewangan melalui pemberian lesen baharu berkaitan perkhidmatan kewangan, pegangan ekuiti, dan kehadiran domestik akan dipertimbangkan berdasarkan kepentingan terbaik kepada Malaysia. Peningkatan jaringan merentas sempadan ini memerlukan penyelarasan dan kerjasama dalam kalangan pengawal selia untuk melindungi kestabilan kewangan. Pengiktirafan bersama, standard kehematan dan amalan pasaran yang konsisten termasuk penglibatan dalam forum penyeliaan (*supervisory colleges*) akan dilaksanakan bagi mengurangkan penularan kesan negatif gangguan ke atas sistem kewangan.

### ***Pengantarabangsaan Kewangan Islam***

18.63 Kedudukan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam global akan terus diperkukuh. Hasrat ini akan dicapai dengan memperkenalkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif untuk memenuhi pelbagai permintaan global terhadap penyelesaian kewangan yang patuh Syariah. Usaha yang berterusan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kepelbagaian peserta dalam industri, merancakkan pasaran kewangan Islam dan mempromosikan Malaysia sebagai pusat rujukan bagi urusan kewangan Islam.



### ***Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Dinamik***

18.64 Usaha akan diteruskan bagi mendalamkan lagi pasaran kewangan domestik dan meningkatkan kesalinghubungan dengan pasaran kewangan dalam ekonomi sedang pesat membangun. Langkah ini akan dilaksanakan dengan mempelbagaikan instrumen kewangan dan kemasukan peserta baharu dalam pasaran wang, tukaran asing dan sekuriti kerajaan. Peningkatan aktiviti rentas sempadan juga akan memerlukan penambahbaikan infrastruktur dan penyelesaian dagangan sedia ada.

### ***Perkongsian Kemakmuran yang Lebih Meluas melalui Rangkuman Kewangan***

18.65 Tumpuan akan terus diberikan bagi memastikan semua rakyat mendapat akses perkhidmatan kewangan yang berkualiti serta mampu bayar. Usaha ini memerlukan penyediaan akses kepada perkhidmatan kewangan yang mudah, berkesan dan cekap serta rangkaian produk dan perkhidmatan yang komprehensif untuk golongan yang kurang mendapat perkhidmatan. Inisiatif tertentu seperti ejen perbankan dan perbankan mudah alih, skim pembiayaan khas bagi perniagaan mikro dan PKS serta program kesedaran akan terus ditambah baik untuk meningkatkan keupayaan di samping memastikan inisiatif tersebut kekal relevan.

### ***Rejim Pengawalan dan Penyeliaan bagi Memelihara Kestabilan Sistem Kewangan***

18.66 Asas bagi kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan akan terus diperkukuh melalui rejim pengawalan dan penyeliaan untuk menangani risiko yang mungkin timbul daripada landskap kewangan yang dinamik. Pengukuhan asas kestabilan sistem kewangan akan mengambil kira pembaharuan pengawalan global dari segi keperluan Basel III dan keperluan keseluruhan sistem kewangan Malaysia. Selain itu, penggunaan teknologi yang meluas dalam penyediaan perkhidmatan kewangan memberikan cabaran baharu dalam pengurusan risiko ancaman siber. Oleh itu, standard dan panduan pengawalan yang sedia ada akan terus dikaji dan dikemas kini untuk mengukuhkan lagi standard keselamatan teknologi maklumat dalam sektor kewangan.

## ***Pembayaran secara Elektronik untuk Meningkatkan Kecekapan Ekonomi Memperkasa Pengguna***

18.67 Pembayaran secara elektronik akan digalakkan sebagai medium pilihan untuk semua urusan niaga ekonomi melalui penyediaan infrastruktur dan penyeliaan yang cekap. Sehubungan dengan itu, inisiatif peningkatan kesedaran akan terus diperkukuh untuk meningkatkan keyakinan orang ramai menggunakan pembayaran secara elektronik.

### ***Memperkasa Pengguna***

18.68 Pendekatan yang menyeluruh bagi perlindungan dan pendidikan pengguna akan dilaksanakan. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan budaya urusan niaga yang adil dan saksama oleh penyedia perkhidmatan kewangan serta memastikan pengguna mempunyai pengetahuan dan keupayaan untuk mengurus dan melindungi kekayaan peribadi.

### ***Meningkatkan Pembangunan Tenaga Mahir***


18.69 Sektor kewangan akan terus menjadi penyumbang utama kepada produktiviti buruh. Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (FSTC) yang ditubuhkan pada tahun 2014 akan menjadi penggerak inisiatif pembangunan tenaga mahir dalam sektor kewangan. Penubuhan majlis tersebut bertujuan memastikan bekalan tenaga mahir yang mencukupi dan mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan sektor kewangan.

## **Pasaran Modal**

18.70 Pasaran modal Malaysia mempunyai prospek pertumbuhan yang tinggi dan dijangka berkembang mencecah RM4.5 trilion pada tahun 2020 seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-14*. Di samping itu, pasaran modal Islam dijangka meningkat kepada RM2.9 trilion. Manakala, jumlah aset di bawah pengurusan bagi industri pengurusan pelaburan akan meningkat kepada RM1.6 trilion.

18.71 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) akan memfokuskan kepada usaha mengenal pasti dan meneroka peluang baharu, terutamanya dalam segmen perkhidmatan tambahan yang menyokong aktiviti pengantaraan. Pembangunan bidang khusus yang kompetitif akan menggalakkan produktiviti dan aktiviti bernilai tambah tinggi. Pertumbuhan dan inovasi dalam segmen pasaran matang seperti pasaran ekuiti, mesti diterajui oleh sektor swasta. Pertumbuhan pasaran modal akan disokong dengan tadbir urus yang efektif bagi mengekalkan keyakinan terhadap integriti pasaran modal. Selain itu, aktiviti pengawalseliaan akan diperkukuh bagi melindungi kepentingan pelabur.

*Paparan 18-14*  
**Saiz Pasaran Modal Malaysia Pada Tahun 2020**



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

18.72 Dalam tempoh RMKe-11, pembangunan pasaran modal akan memfokuskan kepada dua bidang utama, iaitu memperkukuh peranan pasaran modal dan tadbir urus bagi perlindungan pelabur. Strategi bagi meningkatkan pembangunan pasaran modal adalah seperti berikut:

**A) Memperkukuh peranan pasaran modal**

- Menggalakkan pembentukan modal
- Meningkatkan kecekapan dan meluaskan skop pengantaraan
- Meningkatkan kecairan dan pengantaraan risiko
- Memudahkan pengantarabangsaan
- Membina keupayaan dan mengukuhkan infrastruktur maklumat

**B) Tadbir urus bagi perlindungan pelabur**

- Meningkatkan peraturan bagi produk untuk mengurus risiko
- Meluaskan akauntibiliti selaras dengan pengembangan skop pengantaraan
- Mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan untuk landskap pasaran yang dinamik
- Meningkatkan keberkesanan pengawasan risiko
- Mengukuhkan tadbir urus korporat dan memperluas penyertaan pihak berkepentingan

***Menggalakkan Pembentukan Modal***

18.73 Malaysia mempunyai sumber kewangan domestik yang mampu untuk membiayai lebih banyak pelaburan domestik terutama dalam perusahaan yang inovatif bagi mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi. Sehubungan ini, rangka kerja kawal selia bagi pengumpulan dana masyarakat berasaskan ekuiti (*equity crowdfunding*) sedang dibangunkan untuk meluaskan pilihan pengumpulan dana dan produk pelaburan serta meningkatkan akses

pasaran kepada pelbagai spektrum penerbit dan pelabur. Rangka kerja ini akan menyediakan keseimbangan kawal selia bagi menggalakkan pasaran yang rancak dan berfungsi untuk pembentukan modal. Di samping itu, rangka kerja ini juga akan menyediakan perlindungan yang sesuai bagi pelabur. Bagi memenuhi permintaan bagi pelaburan tanggungjawab sosial dan kesedaran alam sekitar, pembiayaan dan pelaburan tanggungjawab sosial akan terus digalakkan menerusi Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI). Inisiatif sukuk SRI akan menghubungkan SRI sektor konvensional yang semakin berkembang dan industri kewangan Islam Malaysia yang maju. Inisiatif ini berpotensi kepada industri kewangan Islam untuk meningkatkan jumlah pelabur dalam kalangan pelabur SRI konvensional.

### ***Meningkatkan Kecekapan dan Meluaskan Skop Pengantaraan***

18.74 Kekangan untuk meningkatkan kecekapan penggembleran tabungan dan mewujudkan persekitaran pengantara yang inovatif dan pelbagai bagi mengembangkan penawaran aset akan ditangani. Usaha ini boleh dicapai dengan membangunkan lagi industri pengurusan pelaburan. Pemangkin pertumbuhan industri ini termasuk kadar tabungan yang tinggi di negara ini, kesan gandaan pelaburan dan penubuhan skim persaraan swasta. Walaupun industri pengantara utama dibangunkan, masih terdapat ruang untuk meneroka peluang pertumbuhan dalam industri sampingan yang menyokong pasaran modal. Usaha berterusan akan dilaksanakan bagi membangunkan kapasiti untuk menawarkan perkhidmatan yang bersepadu dan membolehkan untuk mewujudkan persekitaran pasaran dalam industri pengurusan dana.

### ***Meningkatkan Kecairan dan Pengantaraan Risiko***

18.75 Kecairan pasaran sekunder memainkan peranan penting dalam menggalakkan pelaburan selaras dengan peralihan ekonomi berasaskan pembuatan kepada aktiviti berasaskan perkhidmatan dan inovasi. Peralihan ekonomi akan mengubah keperluan cagaran pembiayaan daripada aset ketara kepada aset tak ketara. Peralihan ini memerlukan pelabur institusi utama tempatan untuk mempelbagaikan agihan aset pelaburan. Di samping itu, pasaran derivatif yang aktif dan komprehensif diperlukan bagi mengukuhkan kedinamikan segmen lain dalam pasaran modal. Usaha yang berterusan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesalinghubungan pasaran melalui penggunaan teknologi yang meluas. Pengawalseliaan akan dipermudah bagi menggalakkan transaksi rentas sempadan terutamanya dalam kalangan negara ASEAN selaras dengan aspirasi bagi mempromosikan integrasi pasaran modal.

### ***Memudah Cara Pengantarabangsaan***

18.76 Usaha peningkatan pengantarabangsaan pasaran modal akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab global pasaran modal Islam. Strategi pengantarabangsaan akan tertumpu kepada meningkatkan penyertaan pelabur antarabangsa dan mengukuhkan keupayaan dalam mewujudkan peluang perniagaan yang jelas dan berskala besar. Usaha mengantarabangsakan pasaran modal Islam akan dikukuhkan melalui peluasan rangkaian produk patuh Syariah, peningkatan kepelbagaian strategi pelaburan Islam dan kerjasama antarabangsa dalam penyelidikan dan pembangunan produk Syariah.

18.77 Pertumbuhan pasaran modal Islam yang mampan akan dicapai dengan memanfaatkan peluang baharu hab pasaran modal Islam terutama dalam segmen pengurusan dana dan kekayaan Islam. Pertumbuhan ini boleh dicapai dengan meluaskan aktiviti pengantaraan dalam bidang yang bernilai tambah tinggi dengan memanfaatkan keupayaan dan infrastruktur pasaran kewangan Islam Malaysia. Pelan pembangunan yang komprehensif dan holistik adalah penting bagi menetapkan hala tuju strategik jangka sederhana dan jangka panjang untuk mengukuhkan kedudukan daya saing industri pengurusan dana dan kekayaan Islam. Antara strategi bagi menyokong kemampuan industri termasuk menarik lebih banyak penyertaan daripada pelabur institusi besar tempatan dalam pelbagai produk pelaburan patuh Syariah. Strategi ini akan membolehkan syarikat pengurusan dana Islam berkembang dan meningkatkan keupayaan dan daya saing di peringkat global.

### ***Membina Keupayaan dan Mengukuhkan Infrastruktur Maklumat***

18.78 Pengantara pasaran modal perlu menyesuaikan dengan perubahan tenaga kerja dan penggunaan teknologi secara meluas. Sumber pengetahuan, kemahiran dan keupayaan berinovasi akan menentukan kelebihan daya saing dan potensi pertumbuhan ekonomi. Strategi akan ditumpukan kepada mengukuhkan asas pengetahuan melalui pembangunan tenaga mahir untuk menyokong perkembangan pasaran modal dalam bidang nilai ditambah tinggi. Bidang tumpuan adalah untuk meningkatkan bilangan profesional dalam pasaran modal serta keberkesanan dan profesionalisme ahli lembaga pengarah. Inisiatif ini akan dilengkapi dengan membangunkan infrastruktur maklumat untuk menangani isu maklumat tak simetri, menggalakkan inovasi perkhidmatan dan kecekapan dalam persekitaran digital masa kini.

### ***Meningkatkan Peraturan bagi Produk untuk Mengurus Risiko***

18.79 Persekitaran yang kondusif bagi inovasi dalam pembiayaan aktiviti ekonomi akan diperkukuh. Ini boleh dicapai melalui peningkatan kecekapan dalam penilaian kualiti produk bagi memastikan inovasi dalam produk dan perkhidmatan kewangan memberi manfaat kepada pelabur. Di samping itu, rangka kerja pengumpulan dana dan penawaran produk akan diselaraskan bagi meningkatkan kecekapan proses dalam memenuhi keperluan untuk meningkatkan kepelbagaian produk. Keperluan penzahiran maklumat korporat dan kawal selia lain akan diperhalusi bagi memastikan perlindungan sewajarnya kepada pelabur terhadap risiko dan mengekalkan integriti pasaran.

### ***Meluaskan Akauntibiliti Selaras dengan Pengembangan Skop Pengantaraan***

18.80 Persekitaran yang membolehkan peserta industri untuk memperluas aktiviti pengantaraan dan mengukuhkan keupayaan dan standard industri akan dipertingkatkan. Rangka kerja kawal selia akan diselaras dan diperkukuh bagi memudah cara untuk mempelbagaikan produk dan kecekapan dalam perniagaan. Usaha ini adalah untuk memastikan integriti amalan perniagaan dan pelaksanaan tanggungjawab fidusiari bagi mengekalkan keyakinan pelabur.

### ***Mengukuhkan Rangka Kerja Pengawalseliaan untuk Landskap Pasaran yang Dinamik***

18.81 Pendekatan yang konsisten dalam mengawal selia pasaran akan diberi keutamaan dalam menghadapi situasi perubahan kedinamikan pasaran yang kompetitif berikutan dominasi inovasi kewangan dan kemajuan teknologi. Ini bertujuan memastikan kecekapan agihan modal dan perlindungan pelabur. Terdapat keperluan untuk mengkaji semula takrifan pasaran dan tanggungjawab peserta industri yang menawarkan perkhidmatan dalam pasaran yang boleh dikategorikan sebagai pasaran awam. Tanggungjawab kawal selia bursa juga akan dikaji semula. Perubahan kawal selia secara meluas akan dipertimbangkan bagi meningkatkan tahap ketelusan dan kesaksamaan dalam kalangan peserta untuk meningkatkan kualiti pasaran.

### ***Meningkatkan Keberkesanan Pengawasan Risiko***

18.82 Jangkauan, keupayaan dan kaedah kawal selia bagi memastikan keberkesanan penyeliaan dan pengawasan risiko akan diperluas. Usaha akan diambil untuk memastikan pengawasan yang sesuai sentiasa dilaksanakan walaupun terdapat perubahan dalam lingkungan dan had peraturan. Di samping itu, pelabur kini ditawarkan dengan produk pelaburan yang semakin canggih selaras dengan kemajuan teknologi dan inovasi dalam

pasaran modal, yang memerlukan penyertaan aktif dan pendidikan pelabur. Program pendidikan pelabur untuk menggalakkan penyertaan pelabur yang lebih berpengetahuan mengenai hak dan tanggungjawab pelabur, perlindungan kawal selia dan mekanisme penyelesaian telah dilaksanakan. Usaha untuk memantapkan pelabur melalui pendidikan akan terus diberi tumpuan.

### ***Mengukuhkan Tadbir Urus Korporat dan Memperluas Penyertaan Pihak Berkepentingan***

18.83 Keberkesanan tadbir urus korporat melalui pendekatan menyeluruh untuk menggalakkan pengawasan yang mantap, penyertaan pemegang saham yang lebih aktif dan kebertanggungjawaban akan diperkukuhkan. Penyertaan aktif pihak berkepentingan dalam membentuk pengantaraan dan amalan korporat akan digalakkan selari dengan penerapan budaya integriti dan penekanan dalam mencapai matlamat tanggungjawab sosial.

18.84 Kepelbagaian merupakan penyumbang penting bagi lembaga pengarah berfungsi dengan baik dan sebagai langkah penting bagi tadbir urus yang baik. Ini membolehkan keputusan optimum dibuat dengan memanfaatkan pelbagai pencerahan dan perspektif berbeza serta mencabar kebijaksanaan konvensional. Agenda kepelbagaian terus diperluas untuk merangkumi bukan sahaja dari segi jantina tetapi juga umur dan etnik. PLC perlu menyatakan dasar kepelbagaian bagi lembaga pengarah dan kakitangan dalam laporan tahunan yang dikeluarkan pada atau selepas 2 Januari 2015.

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

Industri Pelancongan

## **KEMAJUAN**

### **HALA TUJU**

Meningkatkan Produk Pelancongan

Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan

Merangka Semula Strategi Kaedah Pemasaran

Mempertingkatkan Tadbir Urus

Mempergiatkan Pelancongan Domestik

Kertas Strategi

# 180C



## KEMAJUAN

18.85 Industri pelancongan global merekodkan pertumbuhan sebanyak 4.1% dalam tempoh RMKe-10 walaupun terdapat cabaran seperti kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat dan zon ekonomi Euro. Ketibaan pelancong antarabangsa ke Malaysia telah meningkat sebanyak 11% daripada 24.7 juta pada tahun 2011 kepada 27.4 juta pada tahun 2014. Prestasi positif ini didorong oleh penjenamaan Malaysia secara berterusan sebagai destinasi pelancongan terkemuka, dan program promosi di bawah kempen Tahun Melawat Malaysia 2014. Malaysia memperolehi pendapatan pelancongan sebanyak RM72 bilion pada tahun 2014. Momentum ini dijangka dapat dikekalkan melalui promosi Malaysia Year of Festivals 2015. Petunjuk industri pelancongan terpilih adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-15*.

*Paparan 18-15*  
**Petunjuk Pelancongan Terpilih (2010-2020)**

Petunjuk	Tahun		
	Sebenar	Anggaran	
		2010	2015
Bilangan Ketibaan Pelancong (juta)	24.6	29.4	36.0
Jumlah Pendapatan Pelancongan (RM bil)	56.5	89.0	168.0
Perbelanjaan Per Kapita (RM)	2,297	3,027	4,667
Pekerjaan ('000)	1,842.6	2,076.3	2,339.6


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Tourism Malaysia

18.86 Malaysia terus berada dalam senarai sepuluh teratas *United Nation World Tourism Organisation* (UNWTO) bagi kategori negara dengan ketibaan pelancong tertinggi untuk dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2011 dan 2012. Insiden kehilangan pesawat MH370 dan nahas MH17 pada tahun 2014 telah memberikan cabaran getir kepada industri pelancongan. Jawatankuasa pengurusan krisis telah dibentuk oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) di Beijing, Shanghai dan Guangzhou, Republik Rakyat China untuk mengurangkan impak insiden tersebut. Aktiviti promosi telah dihentikan pada April 2014 untuk menghormati sensitiviti rakyat China ke atas tragedi MH370. Selain itu, program *Mega Familiarisation* (MegaFam) telah dijalankan untuk destinasi seperti Pulau Pinang, Hutan Hujan Royal Belum dan Pulau Redang bagi memulihkan keyakinan pengusaha kembara dan siar serta media antarabangsa terhadap Malaysia.

18.87 Pada tahun 2013, negara ASEAN kekal sebagai penyumbang utama dengan 19.1 juta ketibaan, mewakili 74.3% keseluruhan ketibaan pelancong ke Malaysia. Selaras dengan trend industri pelancongan antarabangsa yang biasanya menarik pelancong dari pasaran geografi terdekat, Republik Rakyat China terus menjadi pasaran penting bagi Malaysia

selepas ASEAN. Trend ketibaan pelancong dari sepuluh negara teratas adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-16*.

18.88 Dalam tempoh RMKe-10, pelancongan domestik bertambah pesat sejajar dengan peningkatan pendapatan boleh guna. Bilangan pelawat domestik meningkat 32.4% daripada 115.5 juta orang pada tahun 2010 kepada 152.9 juta orang pada tahun 2013. Pelancong domestik telah berbelanja sebanyak RM54 bilion pada tahun 2013, peningkatan sebanyak 55.6% berbanding dengan RM34.7 bilion yang dicatatkan pada tahun 2010.




Sumber: Tourism Malaysia

18.89 Malaysia telah mewujudkan penjenamaan pelancongan yang sangat baik berbanding dengan negara pesaing. Walau bagaimanapun, cabaran terbesar yang dihadapi adalah bagi menarik pelancong yang berbelanja lebih tinggi untuk melawat Malaysia. Aspek kesihatan dan kebersihan, aksesibiliti ke destinasi utama, ketersambungan di antara destinasi pelancongan dan kelestarian alam sekitar mempengaruhi pengalaman pelancong. Warisan budaya dan sumber asli merupakan tarikan utama pasaran sofistikated yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya telah menyekat pembangunan industri pelancongan yang mampan dan berdaya maju. Selain itu, penggunaan e-pemasaran dan aplikasi mudah alih masih kurang dan seterusnya mempengaruhi liputan pasaran yang lebih besar.

## HALA TUJU

18.90 RMKe-11 ini akan memberi tumpuan kepada segmen pelancong yang memberi pendapatan tinggi bagi meningkatkan sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi. Pelancongan domestik akan dimanfaatkan untuk merencanakan lagi industri pelancongan. Tumpuan akan diberi untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dengan menonjolkan keunikan dan kekuatan Malaysia melalui aktiviti promosi yang bersasar. Ketibaan pelancong ke Malaysia dijangka berkembang pada pertumbuhan purata 4% setahun daripada 29.4 juta pada tahun 2015 untuk mencapai 36 juta pada tahun 2020. Pendapatan pelancongan pula disasarkan berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 13.6% daripada RM89 bilion pada tahun 2015 kepada RM168 bilion pada tahun 2020. Industri pelancongan dijangka menyediakan 2.34 juta pekerjaan seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-15*.

*Paparan 18-17*  
Kanvas Strategi Bagi Industri Pelancongan



18.91 Kanvas strategi bagi industri pelancongan adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-17*. Peningkatan kelas menengah yang berkemampuan di seluruh dunia, rentak hidup yang lebih cepat dan perubahan trend pengembaraan daripada yang berasaskan destinasi pelancongan kepada yang berasaskan pengalaman akan membentuk strategi negara untuk menarik lebih ramai pelancong berpendapatan tinggi. Usaha pembangunan industri pelancongan akan beralih ke arah memberi penekanan kepada bidang khusus yang berintensifkan pengetahuan, mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi dan

mentransformasi industri daripada jumlah pelancong yang tinggi kepada jumlah hasil yang tinggi. Sebagai langkah ke hadapan, strategi yang akan dilaksanakan adalah:

- Meningkatkan produk pelancongan
- Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan
- Merangka semula strategi kaedah pemasaran
- Mempertingkatkan tadbir urus
- Mempergiatkan pelancongan domestik

## Meningkatkan Produk Pelancongan

18.92 Pembangunan dan promosi produk akan dipacu oleh pendekatan berasaskan kluster, yang akan menghubungkan tarikan pelancong utama, kemudahan dan infrastruktur sokongan di destinasi tertentu. Usaha ini akan meningkatkan tarikan destinasi pelancongan tersebut dan membawa kepada tempoh menginap yang lebih lama dan berbelanja lebih tinggi. Dalam tempoh Rancangan, kluster yang terdiri daripada produk yang ikonik, dipacu oleh pelabur pemangkin dan mampu menarik pelancong berbelanja tinggi akan digalakkan. Selain itu, persekitaran yang menyokong perniagaan akan terus disediakan kepada para pelabur untuk membangun infrastruktur dan kemudahan pelancongan. Tumpuan akan diberikan kepada perkara berikut:

- **Ekoopelancongan** akan diletakkan sebagai satu segmen utama industri pelancongan dengan memanfaatkan aset biodiversiti melalui penjenamaan dan promosi yang meluas. Segmen ini akan dibangunkan untuk menarik pelancong eko yang mampu berbelanja tinggi. Sebarang pembangunan di tapak ekoopelancongan seperti Hutan Hujan Royal Belum, Lembah Danum dan Taman Negara Mulu, tapak RAMSAR Kebangsaan dan pulau-pulau akan dipantau dengan teliti untuk memastikan kemapanan alam sekitar dan aset biodiversiti dilindungi. Oleh itu, perkongsian sinergi antara agensi kerajaan seperti Jabatan Hutan dengan pengusaha swasta akan dipupuk. Pembangunan ekoopelancongan akan menawarkan peluang yang lebih besar kepada penduduk tempatan terutamanya di kawasan luar bandar untuk turut serta dalam aktiviti berasaskan pelancongan sebagai sumber pendapatan bagi meningkatkan taraf hidup.
- **Tapak warisan, dan produk kebudayaan** seperti tarian tradisional, seni dan kraftangan akan digalakkan untuk menambah nilai kepada pengalaman pelancong. Muzium sedia ada akan dimanfaatkan melalui program pengayaan dan pameran berkembar dengan muzium-muzium di seluruh dunia. Promosi Muzium Negara dan muzium warisan unik seperti Muzium Kesenian Islam, Muzium Sarawak dan Muzium Warisan Baba Nyonya Melaka akan terus dipergiat. Penawaran produk oleh pemangkin aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti Istana Budaya, Kraftangan Malaysia, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan pelbagai institusi yang dikendalikan oleh pihak swasta akan diperkukuh. Akademi Seni Budaya dan Warisan

Kebangsaan (ASWARA) akan dinaik taraf daripada akademi kepada universiti bagi menghasilkan artis dan penggiat seni yang berkualiti tinggi. Inisiatif ini akan merancakkan bidang seni dan budaya serta meningkatkan permintaan bagi bakat yang terlatih dan penggiat seni, seterusnya mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi.

- **Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE)** akan terus digalakkan. Sektor swasta akan digalakkan untuk melabur dalam kemudahan MICE, dan membida acara perniagaan dan antarabangsa untuk dianjurkan di Malaysia. Pengurus acara akan digalakkan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam menghubungkan kemudahan MICE dengan tempat pelancongan untuk memudahkan pergerakan peserta semasa acara berlangsung.
- Kempen promosi akan terus dipergiatkan untuk mempromosikan Malaysia sebagai **destinasi membeli belah** pilihan utama di Asia Pasifik. Lebih banyak acara dan aktiviti promosi seperti pertunjukan fesyen dan persembahan kebudayaan akan diadakan di kawasan membeli-belah utama. Mutu perkhidmatan pekerja barisan hadapan di outlet jualan akan ditambah baik melalui latihan berterusan dan pemberian ganjaran mengikut prestasi perkhidmatan. Selain itu, kerjasama antara Kraftangan Malaysia dan sektor swasta akan diperkukuhkan bagi meningkatkan kebolehlihatan kraftangan tempatan seperti batik Malaysia, pasu Sarawak dan labu sayong di pusat membeli-belah dan outlet jualan.
- **Pasaran pelancongan Islam** global dianggarkan bernilai RM453.3 bilion pada tahun 2013, dijangka akan meningkat kepada RM647.6 bilion pada tahun 2020. Oleh itu, usaha mempromosi Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim akan terus dipergiat untuk merebut potensi pasaran yang semakin meningkat. Standard Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (MFHS)<sup>5</sup> yang baru dibangunkan telah menetapkan standard kualiti bagi penginapan, pakej perjalanan dan pemandu pelancong yang boleh dijadikan panduan kepada peserta industri tempatan untuk memelihara integriti produk dan perkhidmatan pelancongan Islam. Hal ini akan membantu untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim utama dunia.

18.93 Nilai produk pelancongan akan ditingkatkan untuk memperkaya dan menyediakan pengalaman yang unik kepada pelancong. Perkara ini boleh dicapai melalui perbezaan, persembahan dan interpretasi produk serta kualiti perkhidmatan. Pemilik produk akan digalakkan untuk menyediakan papan informasi dalam pelbagai bahasa, perkhidmatan lawatan berpandu dan pusat interpretif untuk menerangkan sejarah dan kepentingan produk. Satu inisiatif untuk memberi ganjaran kepada inovasi juga akan diperkenalkan bagi

---

<sup>5</sup> Standard Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (MFHS) telah dibangunkan bersama oleh Jabatan Standard Malaysia, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Pusat Pelancongan Islam Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

menggalakkan peserta industri membangunkan produk pelancongan yang unik dan ikonik. Selain itu, kadar bayaran berbeza bagi pelancong tempatan dan asing untuk masuk ke tempat pelancongan awam dan swasta akan digalakkan. Hal ini akan membantu pemilik produk menyelenggara dan mengekalkan nilai produknya.

18.94 Peserta industri akan digalakkan untuk mendapatkan pelabelan eko seperti *Green Globe* atau pensijilan lestari sebagai satu keperluan untuk menarik pelancong yang bersedia untuk membayar harga premium bagi menikmati penginapan mesra alam. Kriteria *Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA)* diwujudkan untuk mengiktiraf produk pelancongan yang telah memenuhi standard yang telah ditetapkan. Ini akan menggalakkan peserta industri menerima pensijilan lestari dan amalan terbaik untuk mentransformasi industri pelancongan agar mampan dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar.

18.95 Pihak berkuasa tempatan akan ditugaskan untuk meningkatkan penyelenggaraan tempat dan kemudahan pelancongan bagi memastikan keselamatan pelancong terjamin disamping mengekalkan daya tarikan produk. Sementara itu, kebersihan kemudahan pelancongan akan dipertingkatkan untuk memastikan standard kebersihan dan tahap keselesaan yang tinggi setanding dengan negara maju.

## Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan

18.96 Bagi memenuhi permintaan daripada segmen pasaran hasil yang tinggi, kualiti modal insan akan diperkukuhkan melalui program latihan. Kementerian akan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan peserta industri untuk menyemak dan menambah baik modul latihan bagi meningkatkan tahap profesionalisme dan memenuhi permintaan industri. Model Akademi Pelancongan Langkawi yang terbukti berjaya akan dilaksanakan di kolej komuniti yang lain untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam industri pelancongan. Selain itu, program latihan sedia ada bagi pekerja barisan hadapan akan diperkukuh untuk melahirkan lebih ramai tenaga pengajar pakar dan persatuan pelancongan akan dibenarkan untuk menjalankan latihan dalaman.

18.97 Kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengusaha inap desa akan terus diperkukuh untuk memastikan pematuhan kepada garis panduan inap desa. Amalan terbaik kebersihan akan diberi penekanan dalam modul latihan kepada pengusaha inap desa. Pengusaha inap desa dan pengusaha pelancongan akan bersama-sama membangunkan pakej pelancongan untuk meningkatkan pengalaman pelancong semasa berada di kampung yang mengambil bahagian dalam program inap desa. Dengan kualiti perkhidmatan yang lebih baik, komuniti luar bandar akan dapat meletakkan harga perkhidmatan yang lebih tinggi dan menjana pendapatan yang lebih baik.

## Merangka Semula Strategi Kaedah Pemasaran

18.98 Usaha promosi dan pemasaran berasaskan segmen geografi akan beralih ke arah pemasaran dan promosi yang disasarkan berdasarkan kepada pasaran khusus. Tumpuan akan diberi kepada segmen ekopelancongan, membeli-belah dan MICE untuk menarik pelancong yang berbelanja tinggi. Di samping itu, pakej khas akan diperluaskan kepada aktiviti dan acara seperti sukan golf, berbasikal, perkahwinan dan bulan madu.

18.99 Tourism Malaysia akan memanfaatkan promosi dan pemasaran digital sepenuhnya melalui penggunaan perkakasan interaktif dan media sosial yang inovatif untuk menawarkan pengalaman pelancongan yang disesuaikan mengikut keperluan segmen pasaran khusus. Media sosial akan digunakan untuk menguasai pasaran pelancong memandangkan pandangan dan ulasan dalam talian menjadi semakin popular sebagai rujukan kepada pelancong dalam membuat keputusan pengembaraan. Peserta industri akan digalakkan untuk memaksimumkan potensi pemasaran digital dengan memanfaatkan platform yang disediakan oleh Tourism Malaysia. Platform pemasaran akan dipertingkatkan untuk lebih mesra pengguna, interaktif dan mempunyai kandungan yang menarik dan relevan.

## Mempertingkatkan Tadbir Urus

18.100 Pembangunan dan pelaksanaan produk serta kemudahan secara bersepadu antara agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dengan pihak berkuasa tempatan akan dipertingkatkan. Usaha ini adalah untuk membolehkan kecekapan dan keberkesanan dalam pembangunan pelancongan secara lestari dengan penggunaan sumber secara optimum dapat dicapai. Semua projek pelancongan akan dibangunkan berdasarkan Dasar Pelancongan Negara. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan memainkan peranan aktif dalam melibatkan pihak berkepentingan untuk menambah baik aktiviti dan produk pelancongan.

18.101 Keselamatan pelancong di bandar utama dan tempat pelancongan terutamanya yang melibatkan aktiviti air dan fizikal akan terus diperkasa. Usaha berikut akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan dengan diterajui oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan:

- memantap dan menguatkuasakan piawaian keselamatan di tempat pelancongan;
- memastikan pengusaha pelancongan mematuhi standard keselamatan melalui pelesenan aktiviti sukan berisiko tinggi;
- menjalankan semakan dan pemeriksaan kenderaan pelancongan secara berkala;
- melaksanakan penandaan yang jelas bagi kawasan aktiviti air;
- menyediakan unit polis pelancongan di bandar utama; dan

- menempatkan pasukan keselamatan di kawasan berisiko tinggi.

## Mempergiatkan Pelancongan Domestik

18.102 Sokongan masyarakat adalah penting kepada pembangunan industri pelancongan. Usaha mempromosikan pelancongan domestik akan terus dilaksanakan untuk menggalakkan rakyat Malaysia melancong. Promosi dan kempen yang dilaksanakan akan diselaraskan dengan musim cuti untuk menggalakkan pelancongan domestik. Program *voluntourism* dan program pelancongan pelajar akan terus digalakkan. Usaha ini adalah bagi memupuk budaya melancong dalam kalangan generasi muda, menggalakkan sikap menghargai alam semulajadi, sejarah dan warisan budaya serta membangunkan semangat untuk mengurus alam sekitar.



# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

Perdagangan Borong dan  
Runcit

## KEMAJUAN

### HALA TUJU

- Meningkatkan Produktiviti
- Memodenkan Perdagangan Runcit dan Koperasi
- Meningkatkan Kualiti Produk dan Perkhidmatan
- Meningkatkan Pengantarabangsaan
- Meningkatkan Perlindungan Pengguna

Kertas Strategi

# 18D

## KEMAJUAN

18.103 Perdagangan borong dan runcit adalah antara subsektor terbesar yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan dan keusahawanan serta meningkatkan kesejahteraan sosial. Subsektor tersebut mencatat kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.7% manakala sumbangan kepada KDNK meningkat daripada 13.9% pada tahun 2011 kepada 14.7% pada tahun 2013. Guna tenaga dalam subsektor ini dijangka meningkat daripada 1.9 juta pada tahun 2011 kepada 2.4 juta pada tahun 2015 iaitu mewakili 17.5% daripada jumlah pekerjaan dalam sektor perkhidmatan. Pertumbuhan berterusan subsektor perdagangan borong dan runcit terutamanya segmen perdagangan runcit adalah disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan swasta dan pelancong. Perdagangan runcit telah mencapai pertumbuhan yang tinggi dan mendapat pengiktirafan global. Pada tahun 2014, Malaysia berada pada kedudukan kesembilan daripada 30 ekonomi baharu muncul *Global Retail Development Index* 2014 oleh A.T. Kearney. Daya tarikan pasaran yang tinggi dan risiko yang rendah menunjukkan terdapat persaingan yang sengit di antara peruncit tempatan dan asing di Malaysia. Ketepuan pasaran yang tinggi memerlukan peniaga tempatan meneroka pasaran di luar negara untuk mengembangkan perniagaan.

18.104 Perdagangan runcit mencatatkan bilangan pertumbuhan yang paling tinggi iaitu 253,579 atau 69.5% daripada jumlah pertumbuhan dalam subsektor borong dan runcit pada tahun 2013. Struktur dan saiz perdagangan borong dan runcit terus berubah dengan peningkatan jumlah format peruncitan moden seperti pasaraya besar, kedai mudah beli, kedai khusus, *premium outlet* dan *e-dagang*. Format runcit moden terutamanya pasaraya besar, bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan yang banyak tetapi juga menjual pelbagai jenis produk pada harga yang rendah kepada pengguna. Di samping itu, *e-dagang* semakin popular dan telah menjana urusan niaga sebanyak RM53.5 bilion pada tahun 2013 sejajar dengan peningkatan perniagaan dan usahawan yang menawarkan jualan produk dan perkhidmatan dalam talian. Pasaraya besar juga telah menyediakan perkhidmatan jualan dalam talian dan penghantaran ke rumah yang memberi keselesaan kepada pelanggan serta mewujudkan peluang pekerjaan bagi pekerja khidmat sokongan teknologi maklumat.

18.105 Pemodenan kedai runcit tradisional melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dengan kerjasama pasaraya besar dan koperasi besar telah diperkenalkan pada tahun 2012. Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 1,914 kedai runcit kecil tradisional sedia ada di seluruh negara dan 415 kedai runcit milik koperasi telah dimodenkan di bawah program TUKAR. Majoriti peserta program TUKAR mencatat hasil jualan yang lebih tinggi setelah menyertai program ini.

18.106 Industri francais mencatat kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 19.7% dengan peningkatan bilangan francaisor daripada 404 pada tahun 2010 kepada 693 pada 2013. Dalam tempoh yang sama, jumlah pendapatan industri francais telah meningkat sebanyak 10.1% kepada RM24.6 bilion walaupun terdapat penurunan dalam bilangan francais iaitu daripada 5,138 kepada 4,892. Walaupun industri francais melalui fasa pengukuhan, jualan jenama francais yang sama berkembang pada kadar yang positif. Eksport francais milik Malaysia juga meningkat kerana penjenamaan dan penembusan pasaran baharu. Pada tahun 2013, sebanyak 58 francaisor telah membuka 2,119 cawangan di 53 buah negara berbanding 29 francaisor dengan 174 cawangan di 49 buah negara pada tahun 2010. Ini mencerminkan pencapaian yang baik oleh francaisor Malaysia di luar negara.


18.107 Beberapa undang-undang telah dipinda dan usaha penguatkuasaan telah dipergiat bagi meningkatkan perlindungan pengguna. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2011 (PCAPA) telah dikuatkuasakan pada tahun 2011 untuk melindungi pengguna daripada tindakan tidak bertanggungjawab peniaga meraih keuntungan yang melampau. Pindaan kepada akta ini memberi kuasa kepada anggota penguatkuasa pihak berkuasa tempatan untuk membantu dalam pemantauan kawalan harga. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta dan koperasi untuk menghasilkan barangan berharga rendah di bawah jenama 1Malaysia untuk meringankan beban peningkatan kos sara hidup kepada rakyat.

18.108 Walaupun subsektor borong dan runcit telah mencapai kadar pertumbuhan yang positif, terdapat isu dan cabaran yang menghalang kualiti pertumbuhannya. Isu produktiviti yang rendah, khususnya dalam perdagangan runcit adalah disebabkan oleh kebergantungan kepada buruh berkemahiran rendah. Pada tahun 2013, tahap produktiviti perdagangan runcit sebanyak RM51,103 adalah lebih rendah berbanding produktiviti sektor perkhidmatan, dan empat kali lebih rendah berbanding dengan negara seperti Australia, Singapura dan Amerika Syarikat. Kadar pemodenan adalah rendah dalam perdagangan runcit kerana kos pelaburan yang tinggi dan kurangnya minat dalam kalangan peruncit tradisional dan koperasi. Selain itu, 79% daripada pertumbuhan perdagangan runcit merupakan entrepris mikro. Peruncit Malaysia, terutamanya PKS tidak cenderung untuk mengeksport kerana beranggapan pasaran domestik menawarkan peluang yang mencukupi dan kekurangan kapasiti untuk meneroka pasaran luar negara. Di samping itu, tahap kesedaran dan perlindungan pengguna adalah rendah kerana kekurangan ekosistem perlindungan pengguna yang komprehensif.

## HALA TUJU

18.109 Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan untuk mengukuhkan produktiviti, memodenkan perdagangan runcit, meningkatkan pengantarabangsaan dan meningkatkan tahap pendidikan serta perlindungan pengguna. Perdagangan borong dan runcit dijangka terus berkembang disokong oleh kenaikan dalam perbelanjaan swasta, peningkatan dalam perbelanjaan pelancong dan pertumbuhan ekonomi yang positif. Subsektor ini dijangka akan mencapai kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 5.8% dan menyumbang 14.7% kepada KDNK manakala guna tenaga dijangka meningkat kepada 2.9 juta menjelang tahun 2020.


18.110 Teras strategik yang termaktub dalam Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2010-2020 untuk perdagangan borong dan runcit akan diintegrasikan dengan Blueprint Sektor Perkhidmatan. Integrasi ini akan menjadi hala tuju dasar untuk subsektor perdagangan borong dan runcit dalam RMKe-11, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-18*.



Sumber: Blueprint Sektor Perkhidmatan & Pelan Induk Perdagangan Pengedaran (2010-2020)

Paparan 18-19

## Strategi Kanvas Perdagangan Borong dan Runcit



18.111 Strategi kanvas seperti di *Paparan 18-19* merumuskan strategi untuk meningkatkan pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit dalam tempoh Rancangan. Strategi untuk mencapai pertumbuhan berkualiti perdagangan borong dan runcit dan meningkatkan kebajikan pengguna adalah seperti berikut:

- Meningkatkan produktiviti
- Memodenkan perdagangan runcit dan koperasi
- Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan
- Meningkatkan pengantarabangsaan
- Meningkatkan perlindungan pengguna

## Meningkatkan Produktiviti

18.112 Tahap produktiviti dalam perdagangan runcit akan dipertingkatkan melalui intervensi dan sokongan bersasar untuk memacu penambahbaikan bagi mencapai outcome yang spesifik. Inisiatif ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama MPC, SME Corp dan persatuan industri. Di samping itu, penggunaan teknologi dan e-dagang akan terus digalakkan untuk mengurangkan bilangan pekerja tidak mahir.

## Pemodenan Perdagangan Runcit dan Koperasi

18.113 Pemodenan perdagangan runcit dan koperasi akan dipertingkatkan melalui penggunaan format moden, teknologi dan e-dagang. Program latihan pengurusan perniagaan moden akan diperhebatkan untuk membina upaya PKS dalam perdagangan borong dan runcit. Kerjasama yang lebih erat antara pasaraya besar dengan peruncit tradisional sama seperti inisiatif TUKAR, akan digalakkan. Skim francais akan digalakkan untuk memodenkan peruncit tradisional dan meningkatkan eksport. Pembangunan e-dagang akan dipertingkat melalui kajian semula rangka kerja kawal selia dan garis panduan perniagaan untuk meningkatkan jualan dan melindungi pengguna.

## Meningkatkan Kualiti Produk dan Perkhidmatan

18.114 Kualiti produk dan tahap perkhidmatan perlu mematuhi standard antarabangsa. Majlis Perdagangan Pengedaran (MPP) akan membangunkan indeks untuk mengukur tahap kualiti perkhidmatan dan kepuasan pengguna. MPP akan memperkukuh kerjasama dengan persatuan industri dan institusi pengajian tinggi untuk meningkatkan program latihan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan.

## Meningkatkan Pengantarabangsaan

18.115 Skim francais telah dikenal pasti sebagai satu daripada pendekatan yang terbukti berkesan dalam meningkatkan pengantarabangsaan jenama tempatan dan penyedia perkhidmatan. Kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan akan diperkukuh untuk meningkatkan bina upaya dan mempromosi eksport. Insentif berasaskan prestasi akan diperkenalkan untuk meningkatkan pendapatan eksport francais tempatan. Di samping itu, koperasi juga akan digalakkan untuk menggunakan jaringan perhubungan dan jumlah keahlian yang ramai untuk membangunkan industri francais. Pangkalan data bersepadu mengenai francais akan ditubuhkan untuk membolehkan perancangan, pemantauan dan jalinan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan usahawan francais.

## Meningkatkan Perlindungan Pengguna

18.116 KPDNKK akan melancarkan pelbagai inisiatif untuk memperkasa pengguna, meningkatkan perlindungan pengguna dan meningkatkan kawal selia sendiri dalam kalangan peniaga. Inisiatif tersebut termasuk memperkukuh dasar dan peraturan yang berkaitan, menambah baik mekanisme aduan pengguna yang lebih efisien dan efektif, dan meningkatkan kesedaran pengguna mengenai standard keselamatan produk dan perkhidmatan. Inisiatif tersebut akan dilaksanakan dengan kerjasama NGO, Kementerian

Pendidikan dan persatuan industri. Para peniaga akan digalakkan untuk melaksana dasar bayaran balik wang secara sukarela. Di samping itu, tahap kesedaran mengenai pengeluaran dan penggunaan mampan akan dipertingkatkan untuk menyokong pertumbuhan hijau.

18.117 KPDNKK akan terus menguatkuasa PCAPA untuk melindungi pengguna daripada tindakan tidak bertanggungjawab peniaga yang meraih keuntungan melampau berikutan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada tahun 2015. Kerjasama dengan NGO, persatuan pengguna dan ketua masyarakat akan diperkukuh untuk memantau harga barangan dan perkhidmatan bagi mengekang pencatutan.

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

Perkhidmatan Profesional

## KEMAJUAN

### HALA TUJU

Mengkaji Semula Rangka Kerja Kawal Selia

Meningkatkan Kualiti Modal Insan

Meningkatkan Eksport

Kertas Strategi


# 18E



## KEMAJUAN

18.118 Subsektor perkhidmatan profesional<sup>6</sup> mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 9.8% setahun dalam tempoh 2011-2013. Pada tahun 2013, subsektor ini menyumbang 1.3% kepada KDNK berbanding 1.1% pada tahun 2010. Guna tenaga dalam subsektor ini meningkat 23% pada tahun 2012 dengan 169,513 pekerjaan berbanding 137,812 pada tahun 2010. Pada tahun 2013, subsektor perkhidmatan profesional mencatat produktiviti sebanyak RM82,418 berbanding RM63,753 bagi sektor perkhidmatan. Dalam tempoh 2010-2013, subsektor perkhidmatan profesional mencatat pertumbuhan produktiviti sebanyak 7.2%, berbanding dengan 2.1% produktiviti sektor perkhidmatan.

18.119 Bilangan firma perkhidmatan profesional juga telah meningkat daripada 19,215 pada tahun 2010 kepada 20,372 pada tahun 2012. Komposisi perkhidmatan profesional adalah seperti di *Paparan 18-20*. Sehingga tahun 2011, eksport perkhidmatan profesional Malaysia masih terhad dengan hanya 80 ahli gabungan profesional<sup>7</sup> yang beroperasi di luar negara dengan 5,946 pekerja dan menjana nilai ditambah sebanyak RM375 juta.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

18.120 Dalam tempoh RMKe-10, Kerajaan memperkenalkan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 untuk menyokong pertumbuhan syarikat baru mula dan PKS tanpa menjejaskan aset dan liabiliti peribadi. Inisiatif penting ini dijangka menyumbang kepada pertumbuhan subsektor perkhidmatan profesional. Selain itu, subsektor perkhidmatan profesional telah diliberalisasikan secara autonomi pada tahun

<sup>6</sup> Subsektor perkhidmatan profesional merangkumi beberapa aktiviti perkhidmatan profesional yang khusus. Aktiviti seperti jurutera, arkitek dan akauntan adalah dikawal selia oleh akta Parlimen dan lembaga masing-masing, manakala aktiviti seperti pengiklanan, perundingan pengurusan dan perkhidmatan penyelidikan tidak dikawal selia.

<sup>7</sup> Ahli gabungan profesional merujuk kepada syarikat yang beroperasi di luar Malaysia, yang dikawal oleh syarikat induk muktamad di Malaysia (pegangan ekuiti adalah melebihi 50%). Mereka boleh terdiri daripada sebuah cawangan, subsidiari atau syarikat usahasama.

2012 yang melibatkan profesion arkitek, kejuruteraan, jurukur, pergigian dan perubatan khusus. Sehubungan itu, Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1976 dan Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang 2014 (Perlesenan Perkongsian Antarabangsa dan Firma Guaman Asing Berkelayakan dan Pendaftaran Peguam Asing) dikuatkuasa pada 3 Jun 2014. Antara pindaan adalah berkaitan *fly-in-fly-out*, yang membenarkan peguam asing memberi nasihat mengenai perundangan lain selain Malaysia bekerja di Malaysia sehingga 60 hari dalam tahun kalendar, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia. Pada masa yang sama, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan Akta Arkitek 1967 juga telah dipinda.


18.121 Malaysia juga komited untuk membuka Mod Tiga iaitu *commercial presence abroad* dan Mod Empat iaitu *movement of natural persons* dalam FTA seperti dalam LAMPIRAN. Malaysia juga telah menandatangani tujuh MRA dengan negara ASEAN yang melibatkan profesion kejuruteraan, seni bina, kejururawatan, pergigian, perubatan, perakaunan dan jurukur. MRA akan membuka ruang kepada profesional Malaysia untuk bersaing pada peringkat serantau khususnya apabila pelaksanaan inisiatif AEC dilaksanakan sepenuhnya.

18.122 Walaupun subsektor perkhidmatan profesional mengalami pertumbuhan positif, masih terdapat beberapa isu dan cabaran yang mengekang prestasi. Sektor perkhidmatan profesional di Malaysia dikuasai oleh PKS yang kurang keupayaan menggunakan teknologi dan berkemampuan bersaing di luar negara. Selain itu, rangka kerja kawal selia yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi pada pelbagai peringkat mengakibatkan kesukaran untuk pemain industri untuk memahami dan mematuhi peraturan, seterusnya kos menjalankan perniagaan. Perkhidmatan profesional juga berhadapan dengan kekurangan tenaga mahir memandangkan graduan baharu tidak cukup bersedia untuk memasuki pasaran kerja disebabkan kekurangan kemahiran teknikal dan keupayaan bekerja dalam suasana pelbagai budaya. Kekurangan bakat dalam industri khusus seperti minyak dan gas, penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat (MRO) dan pembinaan menghalang pertumbuhan industri ini.

## HALA TUJU

18.123 Perkhidmatan profesional dan perniagaan memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan mewujudkan peluang pekerjaan berintensif pengetahuan. Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan adalah untuk mentransformasi perkhidmatan profesional dengan meningkatkan kualiti modal insan, melaksanakan pembaharuan kawal selia dan meningkatkan eksport. Malaysia akan dipromosikan sebagai pusat penyumberan luar perkhidmatan profesional untuk meningkatkan peluang mengeksport perkhidmatan

profesional dalam bidang berintensif pengetahuan. Kanvas strategi seperti di *Paparan 18-21* menunjukkan inisiatif subsektor ini.



18.124 Dalam tempoh RMKe-11, perkhidmatan profesional dijangka berkembang, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang positif. Subsektor ini dijangka menyumbang 2% kepada KDNK menjelang tahun 2020. Guna tenaga dalam subsektor ini dijangka meningkat daripada 169,513 pekerjaan pada tahun 2012 kepada 230,000 menjelang tahun 2020.

18.125 Dalam tempoh RMKe-11, strategi untuk mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi bagi subsektor perkhidmatan profesional adalah seperti berikut:

- Mengkaji semula rangka kerja kawal selia
- Meningkatkan kualiti modal insan
- Meningkatkan eksport

### Mengkaji Semula Rangka Kerja Kawal Selia

18.126 Inisiatif di bawah tadbir urus sektor melibatkan kajian semula peraturan dan memudahkan syarat kemasukan ke bidang profesional tertentu. Sebagai contoh, bagi memudahkan cara akauntan Malaysia untuk kembali berkhidmat di Malaysia, pengalaman yang diperolehi sebelum berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia akan diambil kira semasa memohon untuk mendapatkan lesen audit. Bagi sektor perundangan pula, larangan pengiklanan akan ditarik balik.

## Meningkatkan Kualiti Modal Insan

18.127 Kerjasama antara pihak industri dengan institusi pengajian akan digalakkan untuk menambah baik program latihan bagi memenuhi keperluan industri dan memastikan graduan yang dihasilkan diberi pendedahan industri yang diperlukan. Latihan industri yang berstruktur untuk pelajar vokasional dan pengajian tinggi untuk kursus tertentu akan diperkenalkan bagi mewujudkan kumpulan tenaga kerja yang berkeelayakan dalam industri khusus seperti perkhidmatan minyak dan gas, dan MRO. Program latihan industri sedia ada akan memberi penekanan kepada pembangunan *soft skills*. Selain itu, bagi menangani isu kekurangan bakat, permit kerja sementara kepada pelajar asing yang berkeelayakan dan telah menamatkan pengajian dari universiti tempatan akan diteruskan.

## Meningkatkan Eksport

### ***Membina Keupayaan dan Skala Untuk Pengantarabangsaan***

18.128 Syarikat perkhidmatan profesional akan digalakkan untuk membina keupayaan dan skala dalam bidang khusus sama ada melalui penggabungan industri, kerjasama dengan syarikat besar atau membentuk konsortium pelbagai bidang kepakaran apabila membida projek pada peringkat domestik atau antarabangsa. Dalam hal ini, Kerajaan akan mengkaji semula polisi perolehan untuk memudahcara dalam membina keupayaan dengan memberi keutamaan kepada konsortium. Strategi ini akan membolehkan syarikat perkhidmatan profesional untuk memanfaatkan kepercayaan, rangkaian, sinergi dan perkongsian pengetahuan teknikal yang telah diperolehi apabila meneroka pasaran luar negara. Pada masa yang sama, SEF akan membantu penyedia perkhidmatan mendapatkan peluang di luar negara. Dana ini akan digunakan untuk membiayai aktiviti seperti bidaan, rundingan dan menjalankan kajian kemungkinan bagi projek antarabangsa dan promosi eksport. Program Pembangunan Pengeksport (EDP) sedia ada di bawah MATRADE akan diperkukuh melalui penyediaan program khusus berdasarkan kepada keperluan khusus syarikat dengan menyediakan pengetahuan seperti akses pasaran, keperluan perdagangan global, amalan perdagangan dan memberi khidmat nasihat.

### ***Mengoptimum Penggunaan FTA dan MRA***

18.129 Syarikat perkhidmatan profesional akan digalakkan untuk menggunakan FTA dan MRA untuk membantu aktiviti pengantarabangsaan. Halangan bukan tarif di pasaran yang disasarkan akan dikurangkan melalui rundingan efektif antara kerajaan dengan kerajaan. Mekanisme pemantauan dan penilaian akan diwujudkan untuk memantau kemajuan serta tindakan susulan bagi memastikan kejayaan. Pihak industri juga akan digalakkan untuk

memberi maklum balas kepada kerajaan mengenai cabaran yang dihadapi apabila meneroka pasaran luar negara.

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

Pendidikan Tinggi Swasta

## **KEMAJUAN**

### **HALA TUJU**

Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan

Memantapkan Amalan Tadbir Urus

Menambah Baik PTPTN

Mempergiatkan Pengantarabangsaan

Kertas Strategi

# 18F

## KEMAJUAN

18.130 Dalam tempoh RMKe-10, pendidikan tinggi swasta adalah salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi utama bagi pendidikan dan pembangunan yang berkemahiran tinggi. Pendidikan tinggi swasta mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.3% dalam tempoh 2011-2014 dan menyumbang RM34.3 bilion kepada KDNK pada tahun 2014. Usaha yang telah diambil oleh Kerajaan seperti meningkatkan pemasaran dan penjenamaan serta pembangunan hab pendidikan telah menggalakkan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-22*. Pada tahun 2012, pemilikan 100% ekuiti asing dalam IPTS bertaraf universiti telah dibenarkan. Berikutan ini, Akta Pendidikan Swasta 1996 (Akta 555) telah dipinda, dan berkuatkuasa pada tahun 2014.

*Paparan 18-22*

### Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Tahun	Universiti	Kolej Universiti	Kampus Cawangan Universiti Luar Negara	Kolej	Jumlah
2010	47	21	5	403	476
2014	59	32	9	433	533

Sumber: Kementerian Pendidikan

18.131 Enrolmen pelajar IPTS meningkat 22% daripada 428, 973 pada tahun 2011 ke 523,452 pada tahun 2013. Pada asalnya, majoriti pelajar IPTS berdaftar di institusi pengajian tinggi yang berstatus kolej. Walau bagaimanapun, sejajar dengan peningkatan bilangan IPTS yang mencapai status universiti serta akses kepada pendidikan tinggi swasta yang lebih baik, enrolmen pelajar di universiti telah meningkat, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-23*.

*Paparan 18-23*

### Enrolmen Pelajar di IPTS

Tahun	Universiti	Kolej Universiti	Kampus Cawangan Universiti Luar Negara	Kolej	Jumlah
2011	202,714	40,651	8,107	177,501	428,973
2013	270,687	16,259	39,407	197,099	523,452

Sumber: Kementerian Pendidikan

18.132 Walaupun disediakan oleh pihak swasta, pendidikan tetap merupakan barang awam. Sebarang usaha untuk menggalakkan pelaburan melalui pembekal pendidikan harus setara dengan syarat kualiti yang ketat supaya kesan ekonomi tidak diperolehi dengan menjejaskan outcome pendidikan. Sehubungan ini, moratorium bagi penubuhan IPTS baharu dikenakan dengan objektif yang berikut:


- Meningkatkan tahap kualiti dan standard IPTS sedia ada dan baharu
- Memastikan penawaran perkhidmatan pendidikan tidak melebihi permintaan

- Menggalakkan penggabungan IPTS untuk tujuan kemampanan dan pembangunan keupayaan

18.133 Pada tahun 2013, Kerajaan menubuhkan Perkhidmatan Pendidikan Global Malaysia (EMGS) sebagai pusat setempat untuk pemasaran dan promosi antarabangsa. EMGS merupakan pusat permohonan, pemprosesan dan pengeluaran pas pelajar asing. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPTS yang mencapai Tahap 5 dan ke atas Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA)<sup>8</sup>.

18.134 Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian di luar negara semakin meningkat disebabkan oleh peningkatan penduduk kelas menengah terutamanya di Asia. Malaysia menguasai 2.1% pasaran global pada tahun 2012. Kebanyakan pelajar asing di Malaysia adalah dari negara Asia, seperti yang ditunjukkan di *Paparan 18-24*. Pada tahun 2014, enrolmen pelajar dari Bangladesh adalah tertinggi, iaitu 34% atau 19,371. Ini diikuti oleh pelajar dari Republik Rakyat China sebanyak 10%, Nigeria 9% dan Indonesia 5%. Enrolmen pelajar asing di IPTS bagi tempoh 2010-2013 adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-25*.

*Paparan 18-24*  
**Negara Asal Pelajar Asing 2014**



Sumber: Perkhidmatan Pendidikan Global Malaysia (EMGS)

<sup>8</sup> SETARA digunakan untuk mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran pada peringkat ijazah pertama di universiti dan kolej universiti. SETARA menggunakan enam tahap penarafan iaitu Tahap 1 (Lemah) hingga Tahap 6 (Terbilang).



*Paparan 18-25***Enrolmen Pelajar Asing di IPTS 2010-2013**

Tahun	Institusi Pengajian Tinggi Awam	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
2010	24,214	62,705
2011	25,855	45,246
2012	26,232	57,306
2013	29,662	53,971

Sumber: Kementerian Pendidikan


18.135 Malaysia semakin popular sebagai destinasi pilihan untuk pendidikan tinggi, khususnya dalam kalangan pelajar Asia. Walau bagaimanapun, subsektor ini perlu meningkatkan lagi kualiti program akademik, perkhidmatan dan kemudahan sokongan, tadbir urus dan pembiayaan kewangan. Pembukaan kampus cawangan baharu dan akreditasi kursus adalah rumit dan mengambil masa yang lama. Selain itu, kutipan balik pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada graduan IPTS adalah rendah iaitu 60% yang akan memberi kesan kepada pertumbuhan IPTS dan menjejaskan kemampuan dana. Selain daripada isu bayaran balik, PTPTN tidak digunakan sepenuhnya sebagai mekanisme kawalan kualiti kerana semua pelajar di IPTS yang berakreditasi tanpa penarafan SETARA dan MyQUEST, layak untuk diberi pembiayaan PTPTN.

## HALA TUJU

18.136 Malaysia berhasrat untuk menarik 200,000 pelajar asing menjelang tahun 2020 dan bermatlamat untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang perakaunan dan kewangan Islam.

Paparan 18-26

## Kanvas Strategi untuk Pendidikan Tinggi Swasta



18.137 Usaha akan dipergiat untuk membangunkan IPTS yang berkualiti dan mempunyai reputasi tinggi melalui peraturan dan kemudahan yang lebih baik. Dalam tempoh Rancangan, strategi subsektor pendidikan swasta adalah meningkatkan kualiti perkhidmatan, memantapkan amalan tadbir urus, menambahbaik PTPTN dan mempergiatkan pengantarabangsaan.

## Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan

18.138 Penyertaan kolej dan universiti dalam program SETARA dan MyQuest akan ditingkatkan dan diwajibkan dalam tempoh masa yang akan ditetapkan. Penarafan SETARA dan MyQUEST akan menjadi rujukan kepada bakal pelajar untuk memilih IPTS yang berkualiti. Selain itu, pinjaman PTPTN hanya akan ditawarkan kepada pelajar yang mendaftar di IPTS yang memenuhi penarafan dan syarat-syarat SETARA dan MyQuest. Inisiatif ini akan menggalakkan kolej dan universiti swasta untuk terus meningkatkan kualiti dan melaksanakan amalan terbaik.

18.139 Kualiti pengajaran dan pembelajaran di IPTS akan dipertingkatkan melalui penyediaan peluang latihan yang lebih luas kepada tenaga akademik. Peluang melanjutkan pengajian pasca siswazah akan diperluas dengan memberi akses kepada biasiswa dan pinjaman. IPTS akan digalakkan untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan, pembangunan pengkomersialan dan inovasi untuk menarik pelajar pasca siswazah. Kerjasama antara IPTS tempatan dengan IPTS terkemuka dalam dan luar negara akan terus dipergiat untuk menawarkan program yang mempunyai permintaan tinggi. Kerjasama ini

akan menarik pelajar tempatan dan luar negara untuk mendaftar dan mempertingkatkan imej IPTS.

## Memantapkan Amalan Tadbir Urus

18.140 Penekanan akan diberikan untuk memudah dan mempercepat proses pelesenan dan akreditasi IPTS bagi mendapatkan kelulusan yang cepat serta mengurangkan kos mengendalikan perniagaan. IPTS yang mempunyai rekod pencapaian yang baik akan diberi lebih autonomi dalam menetapkan kurikulum dan mengembangkan perniagaan. Semua IPTS diwajibkan menubuhkan Unit Jaminan Kualiti bagi memastikan akauntabiliti.

## Menambahbaik PTPTN

18.141 Skim PTPTN akan dikaji semula dan mekanisme yang sesuai akan digubal untuk memastikan pelajar yang layak sahaja diberikan pembiayaan untuk mengurangkan kadar kegagalan bayaran balik. PTPTN akan membiayai pelajar daripada IPTS yang mencapai Taraf 4 hingga Taraf 6 bagi MyQUEST, dan Taraf 5 dan ke atas bagi SETARA. Keutamaan pembiayaan akan diberi kepada pelajar yang mengikuti bidang pengajian yang mempunyai kebolehpasaran tinggi bagi memastikan pembayaran balik pembiayaan PTPTN. Langkah ini akan memastikan kemampuan dana PTPTN dan meningkatkan akses kepada pendidikan.

## Mempergiat Pengantarabangsaan

18.142 Malaysia akan dipromosikan sebagai destinasi pilihan bagi pendidikan tinggi di pasaran Asia terutamanya Republik Rakyat China dan Asia Tengah. Pada peringkat global, 23% pelajar antarabangsa adalah dari Republik Rakyat China dan India manakala kira-kira 10% pelajar dari Asia Tengah. Pasaran Asia akan dapat memastikan pertumbuhan subsektor pendidikan tinggi swasta memandangkan trend pelajar yang lebih cenderung untuk belajar di negara berhampiran dan mempunyai budaya yang hampir sama dengan negara asal. Sejalan dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan bagi perakaunan dan kewangan Islam, promosi program pengajian perakaunan dan kewangan Islam akan dipergiat.

18.143 Bagi mempergiat pengantarabangsaan, kerjasama antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan agensi akreditasi negara lain akan dijalinkan. Kerjasama ini adalah untuk mendapatkan idea baharu, memperkenalkan amalan terbaik dan memantau prestasi kampus cawangan IPTS Malaysia di luar negara.

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

## Penjagaan Kesihatan Swasta

### **KEMAJUAN**

#### **HALA TUJU**

Memantapkan Rangka Kerja Kawal Selia dan Tadbir Urus

Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan untuk Pengantarabangsaan

Menubuhkan Pusat Kecemerlangan T&CM

Meningkatkan Produktiviti

Menggalakkan Aktiviti Tanggungjawab Sosial


## Kertas Strategi

# 18G

## KEMAJUAN

18.144 Industri perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta<sup>9</sup> telah menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam RMKe-10 dengan kadar pertumbuhan tahunan purata 5.5% dan menyumbang sebanyak RM24.1 bilion nilai ditambah. Bilangan katil di hospital swasta telah meningkat sebanyak 6% kepada 14,033 katil pada tahun 2013 berbanding 13,186 pada tahun 2010. Perubahan demografi, masyarakat yang semakin mewah dan gaya hidup yang mementingkan kesihatan telah menyumbang kepada pembangunan industri penjagaan kesihatan domestik yang kukuh. Walaupun industri penjagaan kesihatan tempatan didominasi oleh sektor awam, perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta telah mencatat pertumbuhan kukuh sepanjang dekad yang lalu.

18.145 Pelancongan kesihatan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 15% dari aspek ketibaan pesakit asing dengan 770,000 pesakit asing mendapatkan rawatan perubatan di Malaysia dalam tahun 2013 berbanding 670,000 dalam tahun 2012. Jumlah ketibaan pelancong kesihatan dari tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-27*. Pendapatan daripada pelancongan kesihatan juga meningkat sebanyak 16% kepada RM690 juta berbanding RM594 juta dalam tempoh yang sama. Jumlah pendapatan yang dijana daripada pelancongan kesihatan adalah seperti dalam *Paparan 18-28*. Kadar pertumbuhan pendapatan daripada pelancongan kesihatan telah melepasi sasaran RMKe-10 sebanyak 10% setiap tahun.




Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia

<sup>9</sup> Industri perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta meliputi skop aktiviti yang luas termasuk perubatan tradisional dan komplementari (T&CM), pelancongan kesihatan dan penyelidikan klinikal.

## Paparan 18-28

## Hasil daripada Pelancongan Kesihatan, 2010-2013 (RM juta)




Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia

18.146 Peranan perubatan tradisional dan komplementari (T&CM) telah lama diiktiraf dalam penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan rawatan. Walau bagaimanapun, tidak seperti perubatan moden, pembangunan T&CM masih pada peringkat awal dan mempunyai potensi untuk dikembangkan. Penguatkuasaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 dalam mengawal selia perkhidmatan T&CM adalah pencapaian penting khususnya dalam membangunkan industri T&CM. Kerajaan telah menubuhkan 15 unit kemudahan T&CM di hospital awam dalam tahun 2014 berbanding dengan hanya 8 dalam tahun 2010 sebagai pelengkap kepada perubatan moden. Profil T&CM mengikut jenis amalan adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-29*.

## Paparan 18-29

## Pecahan T&amp;CM Mengikut Jenis Amalan



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

18.147 Clinical Research Malaysia (CRM), iaitu sebuah syarikat milik kerajaan yang tidak berasaskan keuntungan telah ditubuhkan pada bulan Julai 2012 bertujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk *industry sponsored research* (ISR). CRM juga bertanggungjawab melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan keupayaan dan

kapasiti kemudahan penjagaan kesihatan awam dan swasta dalam menjalankan ISR. Bilangan ISR telah meningkat sebanyak 120% pada tahun 2014 berbanding 2010.

18.148 Walaupun industri kesihatan swasta telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan, terdapat isu berhubung kawal selia subsektor. Kekurangan kapasiti agensi yang mengawal selia industri penjagaan kesihatan swasta menyebabkan kurang perhatian diberi untuk membangunkan industri ini. Bagi T&CM, rangka kerja kawal selia sedia ada mengekang penubuhan hospital T&CM dan tidak membenarkan hospital perubatan moden swasta untuk menawarkan perkhidmatan T&CM. Di samping itu, perlindungan insurans kesihatan di Malaysia tidak meliputi T&CM berbanding dengan negara seperti Jepun, China dan Vietnam yang telah memasukkan T&CM dalam polisi insurans sejak tahun 1990-an. Dari aspek pelancongan kesihatan, industri ini menghadapi cabaran iaitu kebergantungan yang tinggi kepada pasaran pelancongan kesihatan yang terhad, perolehan pendapatan bagi setiap pesakit yang rendah, kapasiti hospital swasta yang rendah, dan halangan dalam kemudahalihan insurans.

## HALA TUJU


18.149 Perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta saling melengkapi perkhidmatan penjagaan kesihatan sektor awam dan menyediakan alternatif dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan terus diberikan untuk mentransformasikan industri penjagaan kesihatan swasta dengan menambah baik rangka kerja kawal selia dan meningkatkan daya saing global. Penyelidikan klinikal, terutamanya dalam meneroka kaedah rawatan baharu akan ditingkatkan bagi menyokong industri seperti farmaseutikal dan pembuatan peranti perubatan. Pelaksanaan strategi yang telah dikenal pasti memerlukan tenaga kerja yang mahir dan berkelayakan seperti pakar perubatan, jururawat dalam bidang khusus, dan profesional kesihatan bersekutu seperti juru x-ray, ahli farmakologi dan ahli farmakokinetik.

18.150 Dalam tempoh RMKe-11, hasil daripada industri penjagaan kesihatan swasta disasarkan berkembang pada kadar 10% setahun. Industri pelancongan kesihatan pula dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 15% dan menjana pendapatan lebih kurang RM2 bilion menjelang 2020.

18.151 Kanvas strategi seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-30* menggambarkan inisiatif yang telah dirangka untuk industri penjagaan kesihatan swasta.

## Paparan 18-30

## Kanvas Strategi Bagi Penjagaan Kesihatan Swasta



18.152 Dalam tempoh RMKe-11, strategi untuk membangunkan industri penjagaan kesihatan swasta adalah seperti berikut:

- Memantapkan rangka kerja kawal selia dan tadbir urus
- Meningkatkan kapasiti dan keupayaan untuk pengantarabangsaan
- Menubuhkan pusat kecemerlangan T&CM
- Meningkatkan produktiviti
- Menggalakkan aktiviti tanggungjawab sosial

## Memantapkan Rangka Kerja Kawal Selia dan Tadbir Urus

18.153 Rangka kerja kawal selia akan dimantapkan untuk melindungi hak pesakit dan menjamin perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta yang selamat serta boleh dipercayai. Usaha ini akan membantu perkembangan industri perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta untuk terus berkembang. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah mengkaji semula peraturan sedia ada, melaksanakan penilaian impak kesan peraturan (RIA) dalam membangunkan peraturan baharu dan menyelaraskan proses imigresen.



### ***Mengkaji Semula Peraturan Sedia Ada***

18.154 Peraturan sedia ada akan dikaji semula selaras dengan Dasar Kebangsaan mengenai Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan-Peraturan (NPDIR). Kajian semula ini, antara lain meliputi perkara seperti yang berikut:

- Pengiklanan untuk perkhidmatan hospital dan doktor;
- Penetapan fi perkhidmatan perubatan;
- T&CM
  - Penubuhan hospital T&CM;
  - Peluasan perkhidmatan oleh hospital perubatan moden swasta sedia ada untuk penyediaan perkhidmatan T&CM;
  - Pemantauan operasi dan standard premis T&CM
- Garis panduan berkaitan penubuhan kemudahan kajian klinikal oleh pihak swasta.

### ***Melaksanakan Penilaian Kesan Peraturan (RIA)***

18.155 Penggubalan peraturan baharu akan tertakluk kepada proses RIA yang diterajui oleh MPC. Proses RIA akan meningkatkan kualiti peraturan baharu melalui penilaian kesan peraturan kepada perniagaan daripada aspek kos, faedah dan lain-lain.

### ***Memperkemas Proses Imigresen***

18.156 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Imigresen dan Malaysian Healthcare Travel Council (MHTC) akan bekerjasama memperkemas proses dan prosedur imigresen untuk memudahkan urusan masuk dan keluar pesakit asing.

### ***Memperkukuh Tadbir Urus***

18.157 Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM yang bertanggungjawab terhadap pembangunan industri penjagaan kesihatan swasta akan diperkukuh bagi membolehkan perancangan pembangunan industri dilaksanakan secara menyeluruh. Pelan induk industri kesihatan swasta juga akan dibangunkan untuk memajukan lagi industri ini.

## **Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan untuk Pengantarabangsaan**

18.158 Jenama penjagaan kesihatan Malaysia yang mempunyai tahap kepercayaan, keselamatan dan kecemerlangan yang tinggi serta kos yang berpatutan akan diwujudkan. Tumpuan akan diberi terhadap strategi untuk meningkatkan kapasiti hospital swasta, menambah bilangan hospital yang menerima akreditasi antarabangsa, memperluas perlindungan dan kemudahan insurans, menumpukan kepada segmen yang menjana

hasil yang tinggi, memperluas rangkaian rujukan serantau, dan meningkatkan eksport produk dan perkhidmatan T&CM.

### ***Meningkatkan Kapasiti Hospital Swasta***

18.159 Hospital swasta akan digalakkan untuk menambah bilangan katil bagi menampung lebih ramai pesakit. Dalam hal ini, pihak berkuasa yang berkaitan akan mempermudah urusan mengendalikan perniagaan seperti proses kelulusan lesen dan permit.

### ***Meningkatkan Bilangan Hospital Swasta Yang Menerima Akreditasi Antarabangsa***

18.160 Pada masa ini, sebanyak 51 hospital swasta di Malaysia telah menerima akreditasi daripada badan antarabangsa seperti Joint Commission International (JCI), International Society for Quality on Healthcare (ISQua) dan Australian Council on Healthcare Standards (ACHS). Dalam tempoh Rancangan, lebih banyak hospital swasta akan digalakkan untuk mendapatkan akreditasi antarabangsa bagi meningkatkan keupayaan menarik lebih ramai pesakit asing. Jabatan Standard Malaysia dan Malaysian Society for Quality in Health (MSQH) akan membangunkan standard kebangsaan bagi penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk meningkatkan kualiti jagaan dan keselamatan pesakit.

### ***Meningkatkan Perlindungan dan Kemudahan Insurans***

18.161 Selaras dengan amalan pada peringkat antarabangsa, perlindungan insurans di negara ini akan diperluas untuk turut meliputi T&CM. Inisiatif ini akan dipacu oleh KKM dengan kerjasama Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan syarikat insurans swasta. MHTC akan memacu inisiatif meningkatkan kemudahan insurans dengan menyakinkan penyedia perkhidmatan insurans dan organisasi penjagaan kesihatan<sup>10</sup> dari negara yang telah dikenal pasti untuk menyenaraikan Malaysia sebagai sebuah negara yang diliputi oleh insurans rawatan perubatan luar negara. Inisiatif ini akan menggalakkan lebih ramai pesakit asing untuk mendapatkan rawatan perubatan di Malaysia.

---

<sup>10</sup> Pengantara perubatan antarabangsa, juga dikenali sebagai organisasi pengurusan penjagaan kesihatan, bertindak sebagai penyelaras bagi pesakit yang tidak biasa dengan kemudahan perubatan khususnya di luar negara. Organisasi ini mempunyai fungsi yang serupa dengan ejen pelancongan. Pengantara perubatan antarabangsa akan menilai penyedia penjagaan kesihatan untuk memastikan kualiti, dan menapis pesakit yang berupaya dari segi fizikal untuk menerima rawatan di luar negara. Pengantara perubatan antarabangsa biasanya mempunyai doktor dan jururawat untuk menilai keberkesanan prosedur perubatan dan membantu pesakit memilih doktor dan hospital.

### ***Menumpukan kepada Segmen yang Menjana Hasil yang Tinggi***

18.162 Malaysia akan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kepelbagaian komposisi pesakit dalam dan perolehan pendapatan bagi setiap pesakit. Hospital swasta di Malaysia akan digalakkan untuk memberi tumpuan kepada bidang kepakaran khusus seperti onkologi, kardiologi, ortopedik, penjagaan gigi dan teknik reproduktif berbantu (ART). Penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta di Malaysia juga akan digalakkan untuk menyetengahkan perkhidmatan mereka pada peringkat antarabangsa terutamanya dalam bidang khusus seperti yang dinyatakan.

### ***Memperluas Rangkaian Rujukan Serantau***

18.163 MHTC akan bekerjasama dengan penyedia penjagaan kesihatan swasta di Malaysia untuk menarik pengantara perubatan antarabangsa bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta tempatan. Kerjasama ini akan memudahkan pesakit asing mendapatkan rawatan perubatan di Malaysia.

18.164 Pelaburan syarikat Malaysia di luar negara seperti IHH Healthcare Berhad dan Ramsay Sime Darby Healthcare akan dimanfaatkan sebagai rangkaian rujukan untuk pesakit luar negara mendapatkan rawatan di Malaysia. Rangkaian rujukan ini juga akan memudahkan penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan profesional menawarkan perkhidmatan mereka kepada rakan sekutu di luar negara berdasarkan keperluan. KKM akan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan MHTC untuk memperluas rangkaian rujukan serantau. Usaha ini akan dilaksanakan melalui program latihan doktor luar negara, menjadi tuan rumah persidangan perubatan antarabangsa dan serantau serta pameran penjagaan kesihatan.

### ***Meningkatkan Eksport Produk dan Perkhidmatan T&CM***

18.165 Majlis Pembangunan Herba Kebangsaan akan menerajui inisiatif untuk membangunkan T&CM dan memudah cara eksport produk T&CM seperti tongkat ali, gamat dan gaharu melalui inisiatif berikut:

- Memperkukuh pembangunan industri T&CM dengan memberi penekanan kepada strategi eksport; dan
- Mengkaji semula peraturan melarang eksport herba dan produk T&CM tertentu.

## Menubuhkan Pusat Kecemerlangan T&CM

18.166 Peningkatan permintaan dan minat pada peringkat antarabangsa terhadap penjagaan kesihatan semula jadi dan penggunaan meluas T&CM memerlukan satu pendekatan pembangunan yang komprehensif. Usaha ini akan dilaksanakan dengan menubuhkan pusat kecemerlangan (CoE) T&CM di hospital pengajar bagi memangkinkan pembangunan T&CM di Malaysia. Selain itu, CoE ini juga akan memainkan peranan penting sebagai pusat rujukan serantau bagi T&CM.

## Meningkatkan Produktiviti

18.167 Penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta akan digalakkan untuk mengguna pakai inisiatif penjagaan kesihatan kejut<sup>11</sup>. Inisiatif ini akan membantu penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta untuk meningkatkan kecekapan, memperkemas proses dan menambah baik keberkesanan rawatan kepada pesakit. Usaha ini akan mengurangkan masa menunggu, kos operasi yang lebih rendah dan pengalaman pesakit yang lebih baik.

## Menggalakkan Aktiviti Tanggungjawab Sosial

18.168 Semakan semula kadar fi perubatan akan turut mengambil kira keperluan penetapan kadar fi berperingkat kepada pesakit asing. Langkah ini akan membolehkan sebahagian daripada fi yang dikenakan kepada pesakit asing disalurkan kepada tabung yang akan diwujudkan di setiap hospital swasta. Dana daripada tabung tersebut akan digunakan oleh hospital berkenaan bagi aktiviti tanggungjawab sosial korporat untuk menaja pesakit miskin tempatan yang memerlukan rawatan segera. Pihak hospital juga boleh menaja rawatan untuk kes perubatan antarabangsa berprofil tinggi. Langkah ini akan meningkatkan imej hospital swasta pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini akan diterajui oleh KKM, Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dan pihak berkepentingan yang lain.

---

<sup>11</sup> Aspek teras kepada falsafah pengurusan kejut adalah penambahbaikan berterusan sesuatu proses kerja dengan menghapuskan proses yang tidak mempunyai nilai tambah. Inisiatif penjagaan kesihatan kejut di Malaysia telah dilaksanakan pada tahun 2013 di beberapa buah hospital perintis iaitu: Hospital Sultan Ismail dan Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru; Hospital Tengku Ampuan Afzan di Kuantan; Hospital Raja Perempuan Zainab 2 di Kota Bharu; dan Hospital Sultanah Nur Zahirah di Kuala Terengganu.

# Mentransformasi Sektor Perkhidmatan:

Industri Pembinaan

## KEMAJUAN

### HALA TUJU

Meningkatkan Kandungan Pengetahuan

Memacu Produktiviti

Menggalakkan Amalan Lestari


Meningkatkan Keupayaan dan Skala untuk  
Pengantarabangsaan

Kertas Strategi

# 18H

## KEMAJUAN

18.169 Dalam tempoh RMKe-10, sektor pembinaan mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 11.1%, iaitu lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 6.3%. Dalam tahun 2015, sektor pembinaan dianggar menyumbang sebanyak 4.5% kepada KDNK, disokong oleh pertumbuhan kukuh subsektor kejuruteraan awam dan subsektor bukan kediaman. Sektor pembinaan menggaji 1.2 juta pekerjaan atau 8.9% daripada keseluruhan tenaga kerja. Dalam tempoh 2011-2014, sebanyak 29,435 projek bernilai RM470 bilion telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, RM387 bilion atau 82% disumbangkan oleh projek sektor swasta dan RM83 bilion oleh sektor awam. Bilangan dan nilai projek pembinaan mengikut kategori adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-31* dan *Paparan 18-32*.



Sumber: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

*Paparan 18-32*  
**Bilangan Projek Mengikut Kategori, 2011-2014**

Sektor	2011	2012	2013	2014
Kediaman	2,253	2,276	2,302	1,716
Bukan Kediaman	2,661	2,847	2,995	2,085
Kemudahan Sosial	820	906	723	523
Infrastruktur	1,991	1,863	2,008	1,466
<b>Jumlah</b>	<b>7,725</b>	<b>7,892</b>	<b>8,028</b>	<b>5,790</b>

Sumber: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia


18.170 Antara projek berskala besar yang dilaksanakan ialah projek Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT) Laluan 1 dari Sungai Buloh ke Kajang, landasan keretapi berkembar dari Ipoh ke Padang Besar, penyambungan laluan transit aliran ringan (LRT) dari Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala

Lumpur 2 (KLIA2), projek Central Spine Road, jajaran dari Kuala Lipis ke Bentong dan terminal regasifikasi gas asli cecair di Melaka. Pelaksanaan projek ini menggambarkan peningkatan penggunaan teknologi dan amalan moden dalam sektor pembinaan bermula dari fasa reka bentuk hingga fasa pelaksanaan dan penyelenggaraan.

18.171 Kebanyakan pemain industri dalam sektor pembinaan terdiri daripada PKS yang mewakili lebih kurang 90% daripada jumlah syarikat kontraktor. Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) digredkan kepada tujuh kategori berdasarkan modal berbayar dan had tender. Komposisi syarikat kontraktor yang berdaftar dengan CIDB mengikut kategori dan kategori syarikat kontraktor adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 18-33* dan *Paparan 18-34*.

*Paparan 18-33*

### Struktur Industri Pembinaan Mengikut Kategori 2011-2014



Sumber: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

*Paparan 18-34*  
**Kategori Kontraktor**

<b>Gred</b>	<b>Modal Berbayar (RM)</b>	<b>Had Tender (RM)</b>
1	5,000	<200,000
2	25,000	<500,000
3	50,000	<1,000,000
4	150,000	<3,000,000
5	250,000	<5,000,000
6	500,000	<10,000,000
7	750,000	Tiada had

Sumber: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

18.172 Walaupun sektor pembinaan merekodkan pertumbuhan yang memberansangkan, tahap produktiviti masih rendah. Tahap produktiviti yang rendah menggambarkan penggunaan kaedah dan amalan pembinaan moden yang terhad, penggunaan teknologi rendah, dan kebergantungan kepada tenaga kerja berkemahiran rendah. Dianggarkan 34% daripada jumlah tenaga kerja dalam sektor pembinaan adalah pekerja asing dan 93% daripada mereka mempunyai kemahiran yang rendah. Isu kebergantungan yang tinggi kepada pekerja kurang mahir diburukkan lagi dengan kehadiran pekerja asing yang masuk ke negara secara tidak sah. Dari aspek eksport perkhidmatan, syarikat pembinaan menghadapi pelbagai halangan seperti kedudukan kewangan yang lemah, kekurangan kepakaran dalam pelbagai bidang serta cabaran mematuhi peraturan negara lain.

18.173 Sektor pembinaan juga terus mengalami cabaran dalam aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE) seperti yang ditunjukkan oleh rekod keselamatan di tapak pembinaan. Prestasi yang rendah dalam HSE disebabkan tahap kesedaran tentang HSE yang rendah dalam kalangan pemain industri dan kelemahan penguatkuasaan dan kawal selia. Di samping itu, perbezaan amalan antara negeri dalam melaksanakan undang-undang dan prosedur pentadbiran dan peraturan lapuk telah menyebabkan peningkatan birokrasi dan kos mengendalikan perniagaan.



## HALA TUJU

18.174 Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan untuk mentransformasi industri pembinaan dengan meningkatkan kandungan pengetahuan, memacu produktiviti, memupuk amalan lestari serta meningkatkan daya saing global selaras dengan pelaksanaan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), 2016-2020. Sasaran yang ditetapkan untuk industri pembinaan dalam tempoh RMKe-11 adalah seperti berikut:

- Pertumbuhan tahunan sebanyak 10.3%
- Peningkatan tahap produktiviti lebih kurang sebanyak 1.6 kali daripada RM39,116 bagi setiap pekerja pada tahun 2015 kepada RM61,939 pada tahun 2020
- Peningkatan tahunan sebanyak 10% bilangan kontraktor yang memiliki pensijilan standard kesihatan dan keselamatan antarabangsa
- Mewujudkan konsortium bersaiz besar dengan pelbagai bidang kepakaran yang memberi tumpuan untuk membida projek antarabangsa menjelang Disember 2018

## Strategi

18.175 Strategi yang digariskan bagi industri pembinaan adalah seperti yang ditunjukkan dalam kanvas strategi dalam *Paparan 18-35*.



18.176 Usaha untuk mentransformasi sektor pembinaan akan memfokuskan kepada strategi untuk meningkatkan kandungan pengetahuan, memacu produktiviti, menggalakkan amalan lestari, dan meningkatkan keupayaan dan skala untuk pengantarabangsaan.

## Meningkatkan Kandungan Pengetahuan

18.177 Strategi untuk meningkatkan kandungan pengetahuan dalam sektor pembinaan akan memberi tumpuan kepada inisiatif untuk menangani isu seperti kebergantungan kepada pekerja tidak mahir dan kekurangan pekerja ketukangan mahir. Antara inisiatif utama adalah:

### ***Meningkatkan Kualiti Modal Insan***

18.178 Kerjasama lebih erat akan dipupuk antara pihak industri dengan institusi pengajian tinggi untuk memastikan bakat yang dihasilkan oleh sistem pendidikan memenuhi keperluan industri. Dalam hal ini, CIDB dan lembaga profesional berkaitan akan bekerjasama dengan industri dan institusi pengajian tinggi untuk membangunkan modul kursus. Program perantisan yang berstruktur untuk kemahiran khusus seperti penyelia keselamatan, pengendali kren dan pengendali gerudi rotari akan diperkenalkan untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

### ***Mempercepat Pembinaan Keupayaan dan Kapasiti PKS***

18.179 CIDB akan bekerjasama dengan rakan kongsi seperti SME Corp, MRT Corp dan GLC dalam meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan PKS. Peningkatan keupayaan dan kecemerlangan PKS tersebut akan dicapai melalui pelaksanaan program seperti pekerja ketukangan pakar, mentor mentee, dan penubuhan pusat kecemerlangan produktiviti untuk perkongsian amalan terbaik. CIDB juga akan bekerjasama dengan rakan kongsi global untuk memberi khidmat sokongan melalui penganjuran bengkel dan seminar demonstrasi penggunaan *hands-on toolkit* untuk PKS. Inisiatif ini akan turut memberi manfaat kepada kontraktor Bumiputera yang mewakili lebih kurang 60% daripada jumlah kontraktor.

### ***Meningkatkan Kawalan dan Keseimbangan Bekalan Tenaga Kerja***

18.180 Perancangan tenaga kerja secara berkala akan dilaksanakan untuk mengurangkan ketidakpadanan antara permintaan dengan penawaran buruh. Selaras dengan tumpuan untuk meningkatkan penggunaan BIM, permintaan terhadap tenaga kerja terlatih dalam BIM dijangka meningkat. Oleh yang demikian, institusi latihan, kolej dan universiti akan membangunkan kursus yang bersesuaian bagi mewujudkan tenaga kerja terlatih dalam BIM pada peringkat ijazah, diploma dan sijil. Peratusan pekerja asing yang

berkemahiran tinggi akan ditingkatkan dengan memantapkan syarat kemasukan pekerja asing dan memperkenalkan sistem levi yang baharu.

### ***Meningkatkan Profesionalisme dalam Sektor Pembinaan***

18.181 CIDB akan membangunkan spesifikasi standard kebangsaan bagi projek pembinaan untuk meningkatkan profesionalisme dalam industri. Standard kebangsaan ini akan meliputi aspek pensijilan pekerja ketukangan dan amalan terbaik dalam penentuan terma dan syarat yang standard dalam kontrak antara pihak pelanggan dengan syarikat kontraktor. Pelaksanaan Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC)<sup>12</sup> dan penetapan standard bahan binaan akan meningkatkan mutu kerja kontraktor dan bahan binaan yang digunakan, sekaligus meningkatkan profesionalisme syarikat kontraktor.

### **Memacu Produktiviti**

18.182 Strategi untuk memacu produktiviti dalam sektor pembinaan akan memfokuskan kepada peningkatan penggunaan teknologi, pemodenan kaedah pembinaan dan mempermudah urusan untuk menjalankan perniagaan.

### ***Meningkatkan Penggunaan Teknologi***

18.183 Penggunaan ICT dalam seluruh rantai nilai pembinaan akan dipertingkatkan menerusi pewujudan platform bagi menggunakan BIM dan dibayar berasaskan penggunaan. CIDB akan menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan yang akan menjadi pusat setempat untuk penggunaan teknologi. Usaha ini akan meningkatkan penggunaan BIM dan mengurangkan halangan terhadap penggunaan teknologi dalam kalangan pemain industri. Penggunaan teknologi akan membolehkan pengurangan kebergantungan kepada buruh kurang mahir.

### ***Mempercepat Penggunaan Kaedah Pembinaan Termaju***

18.184 Keperluan terhadap IBS akan dikaji semula untuk meningkatkan penggunaan IBS dalam projek sektor awam dan swasta. Persekitaran yang menyokong dan menggalakkan industri untuk melabur dalam kaedah pembinaan termaju juga akan diwujudkan terutamanya melalui kajian semula dasar perolehan awam dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL).

---

<sup>12</sup> QLASSIC adalah satu sistem atau kaedah untuk mengukur dan menilai kualiti mutu kerja bagi kerja pembinaan bangunan berdasarkan Standard Industri Pembinaan.

18.185 Penggunaan IBS dalam sektor pembinaan akan ditingkatkan melalui perolehan kerajaan untuk meningkatkan kecekapan di samping mengurangkan kebergantungan kepada pekerja tidak mahir. Kerjasama yang lebih erat dalam kalangan pihak berkepentingan terutamanya Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Kerja Raya, CIDB, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan digalakkan untuk meningkatkan penggunaan IBS. Halangan peraturan seperti ketidakpadanan klausa di dalam UBBL dengan spesifikasi komponen IBS juga akan ditangani.

### ***Memperudahkan Urusan Menjalankan Perniagaan***

18.186 Peraturan sedia ada bagi sektor pembinaan akan ditambah baik untuk mempermudah urusan mengendalikan perniagaan selaras dengan NPDIR. Sebagai contoh, usaha untuk mempermudah proses mendapatkan permit pembinaan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan diperluaskan ke pihak berkuasa tempatan lain. Inisiatif ini termasuk kajian semula yang menyeluruh ke atas proses kelulusan permit pembinaan yang melibatkan kementerian dan agensi berkaitan serta menambah baik pusat setempat sedia ada yang mengendalikan urusan permohonan dan kelulusan permit pembinaan. Keupayaan pusat setempat ini akan ditingkatkan menerusi pembangunan sistem IT bersepadu bagi membolehkan urusan permohonan dan kelulusan permit pembinaan dilakukan secara dalam talian. Usaha ini akan mengurangkan tempoh masa bagi urusan mendapatkan permit pembinaan.

### **Menggalakkan Amalan Lestari**

18.187 Strategi akan ditumpukan ke arah meningkatkan kelestarian infrastruktur binaan termasuk menerapkan amalan lestari dalam rantai nilai pembinaan dan menggubal undang-undang serta peraturan untuk memastikan kemampunan sektor pembinaan.

### ***Mengurangkan Penjanaan Sisa Secara Tidak Bertanggungjawab***

18.188 Kontraktor akan diwajibkan untuk mematuhi program pengurusan sisa sebagai sebahagian daripada keperluan dalam pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 mulai Januari 2018. Inisiatif ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan kontraktor besar dalam kategori G7, terutamanya kontraktor yang melaksanakan projek awam dengan nilai tertentu. Peraturan ini akan dikuatkuasa apabila kontraktor memperbaharui lesen tahunan dengan CIDB.

### ***Menerapkan Amalan Baik Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE)***

18.189 Pelaksanaan amalan baik HSE akan dipertingkatkan melalui program peningkatan kesedaran mengenai HSE dan peningkatan akauntabiliti dalam industri. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan CIDB akan berusaha ke arah mewajibkan semua pihak berkepentingan untuk melaksanakan amalan baik HSE. Usaha ini akan meningkatkan ciri keselamatan, mengurangkan kemalangan dan menarik pemain baharu dalam industri pembinaan.

18.190 Peraturan mengenai HSE akan ditambah baik bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja binaan. Standard bagi kemudahan yang disediakan kepada pekerja binaan akan ditetapkan dalam satu kod amalan HSE dan akan dijadikan terma wajib dalam kontrak. Standard Malaysia (MS) juga akan dibangunkan oleh Jabatan Standard dan CIDB pada akhir tahun 2015 berasaskan kod amalan ini. Langkah ini bukan sahaja akan memberi kesan positif kepada produktiviti pekerja tetapi juga akan meningkatkan persepsi terhadap industri pembinaan.

### **Meningkatkan Keupayaan dan Skala untuk Pengantarabangsaan**

18.191 PKS berprestasi tinggi akan digalakkan untuk meningkatkan keupayaan dan skala melalui perkongsian dengan syarikat yang lebih besar atau membentuk konsortium pelbagai bidang kepakaran apabila membida projek antarabangsa. Sokongan dari aspek platform untuk membina jaringan hubungan pada peringkat antarabangsa, bantuan perundingan pakar dan insentif kewangan akan dipertingkatkan. Strategi ini akan menangani isu berkaitan bilangan syarikat pengeksport yang kecil dengan membangunkan lebih banyak syarikat yang bersedia mengeksport.

18.192 Syarikat pembinaan akan digalakkan untuk memanfaatkan FTA dan MRA apabila mengeksport perkhidmatan ke luar negara. Syarikat ini digalakkan untuk memberi maklum balas kepada Kerajaan mengenai cabaran yang dihadapi apabila meneroka pasaran luar negara untuk membolehkan isu yang dibangkitkan ditangani pada peringkat antara kerajaan dengan kerajaan. PKS dalam industri pembinaan akan digalakkan untuk membentuk konsortium dalam pelbagai bidang kemahiran semasa membida projek Kerajaan. Dasar perolehan awam akan dikaji semula untuk memudah cara pembentukan konsortium. Kejayaan konsortium pelbagai bidang ini akan mewujudkan sinergi dan jalinan hubungan dalam kalangan syarikat kecil. Kepercayaan yang dibina dalam kalangan syarikat kecil ini akan membantu syarikat semasa membida projek dengan nilai yang lebih besar pada peringkat domestik atau antarabangsa.

## KESIMPULAN

18.193 Sektor perkhidmatan telah melalui pelbagai perubahan sejak beberapa Rancangan Malaysia yang lepas. Strategi yang telah dilaksanakan termasuk liberalisasi sektor, pembangunan modal insan dan pembaharuan kawal selia. Namun begitu, transformasi yang lebih menyeluruh adalah dijangkakan. Dalam tempoh RMKe-11, sektor perkhidmatan akan ditransformasikan menjadi sektor berintensif pengetahuan dengan pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti. Rancangan ini akan mencetuskan beberapa perubahan merentasi sektor melalui pengantarabangsaan penyedia perkhidmatan, insentif pelaburan yang berkesan, pembangunan modal insan dan pembaharuan tadbir urus sektor yang bersepadu. Strategi sektor yang khusus akan meningkatkan potensi pertumbuhan. Sehubungan itu, sektor ini akan menarik lebih banyak pelaburan swasta, meningkatkan eksport perkhidmatan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi sejajar dengan aspirasi negara untuk menjadi ekonomi yang maju dan negara yang inklusif.

## LAMPIRAN

Subsektor	AANZFTA	ACFTA	M-Pakistan	M-Japan	ASEAN-Korea	M-NZ	MAFTA
Undang-undang	100% ekuiti	Hanya melalui syarikat yang diperbadankan di Labuan. (Perkhidmatan luar pesisir)	Hanya melalui syarikat yang diperbadankan di Labuan. (Perkhidmatan luar pesisir)	Hanya melalui syarikat yang diperbadankan di Labuan. (Perkhidmatan luar pesisir)	Hanya melalui syarikat yang diperbadankan di Labuan. (Perkhidmatan luar pesisir)	Hanya melalui syarikat yang diperbadankan di Labuan. (Perkhidmatan luar pesisir)	Tak terikat
Perakaunan	40% ekuiti	49% ekuiti	40% ekuiti	35% ekuiti	40% ekuiti	35% ekuiti	Tiada
Kejuruteraan	30% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	10% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	40% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	10% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	10% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	10% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	Tak terikat
Perkhidmatan seni bina	30% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	10% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	30% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	Perkhidmatan seni bina dibekalkan hanya dengan orang sebenar	10% ekuiti bagi amalan pelbagai disiplin (Kejuruteraan, Seni bina dan/atau Ukur bahan)	Perkhidmatan seni bina dibekalkan hanya dengan orang sebenar	4 pakar dari setiap negara yang berdaftar di negara asal untuk bekerjasama dengan arkitek tempatan yang berdaftar
Ukur bahan	-	-	-	-	-	-	-
Perunding pengurusan	70% ekuiti	70% ekuiti	70% ekuiti	70% ekuiti	70% ekuiti	Tak terikat	Tak terikat

Nota: Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA)

Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA)

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Pakistan (M-Pakistan)

Sumber: Kementerian Antarabangsa dan Industri

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Japan (M-Japan)

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (M-NZ)

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA)